

IDEOLOGI KETUHANAN DALAM NOVEL *RANJAU SEPANJANG JALAN*  
KARYA SHAHNON AHMAD: ANALISIS BERSANDARKAN TEORI  
TAKMILAH

ADAM MANSUR BIN AZHAR

C20A0897

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

KELANTAN

2024



Universiti Malaysia  
KELANTAN

**IDEOLOGI KETUHANAN DALAM NOVEL *RANJAU SEPANJANG JALAN*  
KARYA SHAHNON AHMAD: ANALISIS BERSANDARKAN TEORI  
TAKMILAH**

Oleh

**ADAM MANSUR BIN AZHAR**

**C20A0897**

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI KEHENDAK IJAZAH  
SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2024**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah  
Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

*Adam*

Tandatangan Pelajar

Tandatangan Pensyarah

Nama: Adam Manshur Bin Azhar

No. Kad Pengenalan: 000402-03-0967

Nama Penyelia: Dr. Afidatul

Syazwani Binti Afandi

Tarikh: 12 Februari 2024

Tarikh: 12 Februari 2024

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera, syukur Alhamdulillah kepada Allah SWT kerana dengan izinNya saya berjaya menghasilkan tesis ini meskipun pelbagai cabaran telah diharungi

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah bimbingan saya iaitu Dr. Afidatul Syazwani Binti Afandi di atas kesabaran, sokongan dan bimbingan yang diberikan kepada saya dalam membantu untuk menjayakan tesis ini. Segala usaha, bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan akan saya ingati dan menjadikannya sebagai pengajaran kepada saya. Ucapan terima kasih ini juga saya tujukan kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan kerana memberikan saya peluang untuk menyambung pelajaran ke peringkat ijazah sarjana muda di universiti ini. Terima kasih juga kepada juga kepada pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan kerana telah memberikan sokongan penuh ketika penyelidikan ini dijalankan dan memudahkan proses pengumpulan maklumat. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa saya iaitu Puan Samera Binti Makhtar dan Encik Azhar Bin Mohd Noor yang sentiasa memberikan sokongan, nasihat dan menghulurkan bantuan dari segi kewangan kepada saya dalam menjayakan tesis ini. Segala pengorbanan yang diberikan kepada saya amat saya hargai sepanjang hidup saya. Ucapan terima kasih ini juga tidak lupa diucapkan kepada rakan-rakan saya yang sentiasa memberikan semangat dan sokongan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak ketika saya melaksanakan penyelidikan ini khususnya kepada semua pensyarah yang mengajar saya di Universiti Malaysia Kelantan, rakan-rakan dan kenalan.

<b>KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGESAHAN TESIS</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ISI KANDUNGAN</b>	iii
<b>SENARAI RAJAH</b>	vi
<b>ABSTRAK</b>	vii
<b>ABSTRACT</b>	viii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	6
1.2 Penyataan Masalah	9
1.3 Persoalan Kajian	11
1.4 Objektif Kajian	12
1.5 Skop Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	14
1.6.1 Individu	14
1.6.2 Masyarakat	14
1.6.2 Institusi	15
1.6.3 Negara	15
1.7 Definisi Operasional	16
1.7.1 Definisi Ketuhanan	16

1.7.2	Definisi Novel	17
1.8	Organisasi Bab	18
1.9	Kesimpulan	20
<b>BAB 2: KAJIAN LITERATUR</b>		
2.0	Pengenalan	21
2.1	Tinjauan Literatur Berkaitan Konsep Ketuhanan	21
2.2	Tinjauan Literatur Berkaitan Karya Shahnnon Ahmad	27
2.3	Tinjauan Literatur Berkaitan Novel <i>Ranjau Sepanjang Jalan</i>	30
2.4	Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Takmilah	32
2.5	Rumusan	34
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.0	Pengenalan	35
3.1	Reka Bentuk Kajian	36
3.2	Kaedah Kajian	38
3.2.1	Kaedah Kepustakaan	38
3.2.2	Kaedah Analisis Tekstual	39
3.2.3	Sumber Internet	40
3.3	Proses Pengumpulan Data	41
3.4	Kaedah Analisis Data	43
3.4.1	Teori Takmilah	43
3.4.1.1	Prinsip Ke Arah Insan <i>Kamil</i> (Sempurna)	45
3.4.1.2	Keislaman yang Bersifat <i>Akmal</i> (Sempurna)	46

3.4.1.3	Pengkarya yang Seharusnya Mengistikmalkan Diri (Menyempurnakan)	46
3.4.2	Kaedah Struktural	47
3.5	Instrumen Kajian	48
3.6	Rumusan	49
<b>BAB 4: ANALISIS DAN PERBINCANGAN</b>		
4.0	Pengenalan	50
4.1	Ideologi Ketuhanan yang Terdapat dalam <i>Ranjau Sepanjang Jalan</i>	50
4.1.1	Berpegang Teguh Terhadap Agama	51
4.1.2	Berserah Diri Kepada Tuhan (Tawakal)	55
4.1.3	Berjuang Dalam Meneruskan Kehidupan (Jihad)	59
4.1.4	Kepercayaan Kepada Qada dan Qadar	62
4.2	Mengaplikasikan Teori Takmilah Berdasarkan Ideologi Ketuhanan yang Terdapat dalam Novel <i>Ranjau Sepanjang Jalan</i>	66
4.2.1	Khalayak ke Arah Insan Kamil (Sempurna)	67
4.2.2	Keislaman yang Bersifat Akmal (Sempurna)	71
4.2.3	Pengkarya yang Seharusnya Mengistikmalkan Diri (Menyempurnakan)	74
4.3	Kepentingan Konsep Ketuhanan dalam Karya Kesusasteraan Melayu	78
4.3.1	Membentuk Keperibadian Masyarakat	79
4.3.2	Sastera Sebagai Medium Dakwah	81
4.3.3	Meningkatkan Nilai Ketakwaan	82

4.4	Rumusan	83
<b>BAB 5: KESIMPULAN</b>		
5.0	Pengenalan	85
5.1	Rumusan Kajian	85
5.2	Implikasi Kajian	87
5.3	Cadangan	88
5.3.1	Pengkaji Lain	88
5.3.2	Pengarang	89
5.3.3	Masyarakat	90
5.3.3	Kerajaan	90
5.4	Kesimpulan	91
	Rujukan	92

**SENARAI RAJAH**

Rajah 3.1	Reka Bentuk Kajian	37
Rajah 3.2	Teknik Analisis Teks Berdasarkan Kajian Kualitatif Teks <i>Ranjau Sepanjang Jalan</i>	40
Rajah 3.3	Proses Pengumpulan Data	42



## **Ideologi Ketuhanan Dalam Novel *Ranjau Sepanjang Jalan* Karya Shahnnon**

**Ahmad: Analisis Bersandarkan Teori Takmilah**

### **ABSTRAK**

Individu yang bergelar manusia tidak dapat dipisahkan dengan aspek ketuhanan dalam kehidupan sehariannya termasuklah dalam dunia kesusasteraan. Penulisan teks sastra kontemporari yang wujud di negara ini masih terdapat ideologi ketuhanan atau unsur-unsur keislaman yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang yang hebat seperti Shahnnon Ahmad. Ideologi ketuhanan dalam sesebuah teks sastra itu perlu diwujudkan dan dipersembahkan kepada khalayak ramai supaya mereka lebih mengenali tuhan serta agama mereka. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti ideologi ketuhanan dan membincangkan kepentingan konsep ketuhanan kepada masyarakat kontemporari serta mengaplikasikan teori Takmilah terhadap ideologi ketuhanan dalam teks tersebut. Kaedah kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif iaitu dengan menjalankan kaedah pemerolehan data serta menganalisis data tersebut. Ideologi ketuhanan yang telah diketengahkan oleh Shahnnon Ahmad dalam karyanya *Ranjau Sepanjang Jalan* dapat meningkatkan mutu kesusasteraan di negara ini. Konsep ketuhanan yang digambarkan dalam teks tersebut dilihat sangat berkait rapat dengan kehidupan masyarakat kini. Kajian ini diharap dapat memberikan manfaat terhadap masyarakat, individu mahupun pelajar pada masa akan datang dalam mengetengahkan ideologi ketuhanan serta isu-isu yang berkaitan keagamaan yang berlaku kini dalam generasi muda.

**Kata kunci:** *Ketuhanan, Agama, Takmilah, Shahnnon Ahmad, Ranjau Sepanjang Jalan*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

***Divinity Ideology in Ranjau Sepanjang Jalan by Shahnnon Ahmad: Analysis Based on The Takmilah Theory***

***ABSTRACT***

*Individuals with the title of human cannot be separated from the divine aspects in their daily lives including in the world of literature. The writing of contemporary literary texts that exist in this country still has divine ideology or elements of Islam produced by great authors such as Shahnnon Ahmad. The divine ideology in a literary text needs to be established and presented to the public so that they know their god and religion better. The objective of this research is to identify the ideology of divinity and discuss the importance of the concept of divinity to contemporary society as well as apply Takmilah theory to the ideology of divinity in the text. The method of this study is to use a qualitative approach, which is by conducting data acquisition methods and analyzing the data. The divine ideology that has been highlighted by Shahnnon Ahmad in his work Ranjau Sepanjang Jalan can improve the quality of literature in this country. The concept of divinity depicted in the text is seen to be closely related to the life of today's society. This study is expected to provide benefits to society, individuals and students in the future in highlighting divine ideology as well as religious-related issues that are happening now in the younger generation.*

***Keywords:*** *Divinity, Religion, Takmilah, Shahnnon Ahmad, Ranjau Sepanjang Jalan*

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Pengenalan

Masyarakat sejak di peringkat awal lagi telah beranggapan bahawa kesusasteraan tidak akan lenyap ditelan zaman berikutan kerana kesusasteraan itu sendiri saling berganti dan kekal menjadi malar hijau pada setiap zaman. (Md Hasri, 2012). Hal ini dikatakan demikian kerana bidang kesusasteraan mengandungi unsur keunikan yang menyebabkan masyarakat tertarik berbanding dengan bidang-bidang yang lain kerana terkandungnya keindahan dalam kesusasteraan. Perkara ini turut dipersetujui oleh Muhd Norizam Jamian (2015) yang menyatakan bahawa sastera itu merupakan sesuatu yang indah dan dapat menyumbangkan faedah terhadap masyarakat yang menikmatinya. Agama Islam juga turut menyentuh mengenai sastera ini iaitu sastera wujud daripada jiwa seseorang yang halus yakni beradab yang dikenali sebagai *al-adabi* yang memfokuskan dalam memberikan didikan, pengajaran serta pedoman dalam hati dan jiwa orang ramai dengan menerapkan nilai-nilai moral agar mereka juga turut menjadi insan yang halus dan beradab. Oleh hal yang demikian, kesusasteraan amat penting dalam kalangan masyarakat kerana ia merupakan satu kaedah dalam membentuk ketamadunan tinggi yang masyarakatnya mempunyai sikap toleransi dan berakhlak mulia.

Syed Shahrman (2012) telah menyatakan pendapatnya mengenai ideologi ketuhanan iaitu wahyu dan akal sering berkait rapat dalam memahami konsep ketuhanan. Hal ini dikatakan demikian kerana wahyu merupakan sebuah mukjizat yang telah diberikan oleh Allah SWT kepada para nabi dan rasul untuk membuktikan kebesarannya. Hasil daripada mukjizat tersebut, masyarakat sekeliling diwajibkan untuk mempercayai, menerima dan berfikir dengan menggunakan akal yang telah diberikan oleh Allah SWT. Hasil daripada gabungan wahyu dan akal tersebut, maka seseorang itu akan memahami konsep ketuhanan dalam hidupnya. Hal ini bertujuan supaya seseorang insan itu dapat melenyapkan segala sikap buruk mengenai Tuhan seperti keraguan, syak wasangka, kejahilan dan sebagainya serta memantapkan lagi akidah dan pegangan insan tersebut terhadap agama dan kepercayaan terhadap Tuhan mereka. Oleh itu, setiap insan itu haruslah menggunakan dua perkara tersebut yakni wahyu dan akal dalam usahanya untuk memahami ideologi ketuhanan serta tidak hanya bersandarkan kepada satu sumber sahaja agar pegangan yang dianuti oleh seseorang itu kekal sehingga akhir hayatnya.

Seterusnya, M. Baharuddin (2014) juga menegaskan mengenai konsep ketuhanan iaitu manusia sejak pada peringkat awal lagi telah menyedari bahawa terdapat mukjizat atau kuasa di luar jangkauan manusia biasa yang mampu memberikan manfaat mahupun musibah dan mengabulkan segala doa dan permintaan. Hasil daripada kesedaran tersebut, manusia telah melakukan ritual penyembahan terhadap mukjizat dan kuasa tersebut yang dikenali sebagai Tuhan. Hal ini telah membuktikan bahawa masyarakat sejak dahulu lagi telah memiliki pengetahuan mengenai konsep ketuhanan.

Selain itu, Tuhan juga mencipta seluruh yang wujud di atas permukaan bumi ini termasuk manusia yang diciptakan daripada segumpal darah (Fadilah Zaini, 2017). Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah bahawa Tuhan Yang Maha Mengetahui mengenai segala hal berkaitan manusia seperti asal usul, kelemahan, kesempurnaan dan sebagainya. Hal ini dapat diperkukuhkan lagi dengan firman Allah dalam surah al-Mulk ayat 14 yang membawa maksud "Tidakkah Allah SWT yang menciptakan sekalian makhluk itu mengetahui segala-galanya? Sedang ia amat luas urusan tadbirNya, lagi amat mendalam pengetahuanNya! Maha Mengetahui dengan segala ciptaan". Oleh sebab itu, Allah SWT telah menurunkan agama Islam kepada hambaNya supaya mereka lebih mengenali dan mendalami konsep ketuhanan dengan lebih jelas.

Adli Yaacob (2018) menyatakan bahawa sastera Islam merupakan salah satu daripada usaha seseorang dalam menjalankan ibadah terhadap Allah SWT dengan menerapkan beberapa elemen seperti ilmu *Usuluddin*, *Feqah*, *Tasawwuf* serta *Tauhid* ke dalam karya sastera. Kesemua elemen tersebut amat penting untuk diterapkan ke dalam sebuah karya yang mempunyai unsur-unsur keislaman untuk dipersembahkan kepada pembaca. Hal ini bertujuan agar dapat memperbaiki iman dan akidah bagi seorang muslim. Menurutny lagi, konsep sastera Islam itu mesti disematkan di dalam kehidupan seharian seseorang itu seandainya individu tersebut mempercayai bahawa agama Islam itu menyentuh dalam pelbagai aspek kehidupan manusia.

Menerusi novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, pengarang iaitu Shahnnon Ahmad telah memasukkan elemen atau unsur-unsur yang mempunyai hubungan dengan ideologi ketuhanan. Hal ini dikatakan demikian kerana Shahnnon Ahmad itu sendiri mempunyai tahap keimanan dan ketakwaannya yang tinggi terhadap Sang Pencipta sehingga mempengaruhi beliau untuk terus berkarya dengan berlandaskan kepada tauhid dan kepatuhan terhadap Tuhan. Perkara ini seterusnya dapat mempengaruhi pembaca untuk meningkatkan kembali nilai ketakwaan dan keimanan dalam diri mereka menerusi karya Shahnnon Ahmad. Maka, tidak hairan segala karyanya menjadi malar hijau dalam kalangan masyarakat kini. (Kathirasan, 2004).

Melalui kajian ini, pengkaji menerapkan teori Takmilah yang dijadikan sebagai panduan. Mohd Haniff Yusoff (2019) telah mengemukakan pendapatnya mengenai teori ini iaitu teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1992 merupakan sebuah teori yang berlandaskan kepada tauhid terhadap yang Maha Esa. Teori ini juga menerapkan konsep hubungan antara Allah SWT dengan manusia dan manusia dengan manusia. Terdapat tujuh prinsip yang terkandung dalam teori ini yang dijadikan sebagai tunjang dalam menganalisis teks atau karya iaitu Prinsip Ketuhanan yang Bersifat *Kamal* (sempurna), Prinsip Kerasulan sebagai Insan *Kamil* (sempurna), Prinsip Keislaman yang Bersifat *Akmal* (sempurna), Prinsip Ilmu dan Sastera yang Bersifat *Takmilah* (sempurna dan menyempurnakan), Prinsip pada Pengkarya yang Seharusnya Mengistikmalkan Diri (menyempurnakan) dan Prinsip Khalayak Bertujuan Memupuk Mereka ke Arah Insan *Kamil* (sempurna). Teori Takmilah dijadikan sebagai panduan kepada kajian ini kerana teori tersebut mengandungi unsur-unsur serta prinsip keislaman seperti yang telah dinyatakan. Hal

ini bersesuaian dengan tajuk kajian pengkaji iaitu memberikan tumpuan terhadap ideologi ketuhanan, ketakwaan, keagamaan, moral dan sebagainya.

Oleh itu, hal ini dapat dikatakan bahawa kesusasteraan dan agama itu mempunyai hubungan yang kukuh dalam mendidik jiwa masyarakat khususnya beragama Islam agar dapat memantapkan lagi pegangan dan akidah mereka. Hal ini juga dapat diperkukuhkan lagi dengan wujudnya teori yang berkaitan dengan keagamaan yang terdapat dalam negara ini seperti teori Takmilah yang telah digagaskan oleh Shafie Abu Bakar.

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji dengan lebih mendalam dan terperinci mengenai ideologi ketuhanan yang terkandung dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad dengan menganalisis kajian ini menggunakan teori Takmilah serta menghuraikan aspek-aspek keagamaan yang telah dipersembahkan oleh pengarang di dalam novel tersebut terhadap masyarakat. Kajian ini juga mengkaji dengan lebih terperinci mengenai watak-watak yang terkandung dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* dengan berpandukan sorotan kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu yang mempunyai hubungan kait dengan kajian ini.

Novel *Ranjau Sepanjang Jalan* yang telah dihasilkan oleh sasterawan negara ke-2 pada tahun 1966 asalnya diterbitkan oleh Penerbitan Utusan Melayu (M) Bhd dan kemudian diterbitkan semula pada tahun 2022 oleh Jejak Tarbiah. Novel ini mengisahkan mengenai kehidupan masyarakat dahulu yang hanya bergantung kehidupannya terhadap hasil tanaman seperti padi dan pengabdian diri masyarakat terhadap Allah SWT. Novel ini seterusnya telah diadaptasi menjadi sebuah filem yang telah diarahkan oleh Tan Sri Kamarul Ariffin Mohamed Yassin selepas hampir dua dekad novel ini diterbitkan iaitu pada tahun 1983. Novel ini seterusnya diterjemahkan kepada bahasa Inggeris yang berjudul *No Harvest But A Thorn* oleh Adibah Amin.

Novel ini mengisahkan mengenai seorang anak tani di Kampung Banggul Derdap bernama Lahuma yang berusaha dalam memelihara keluarganya dengan memegang kepada konsep “Mati hidup dan susah senang dipegang oleh Allah S.W.T”. Menerusi pegangan tersebut, Lahuma menjadikannya sebagai sebuah kata-kata semangat untuknya dalam menempuh pelbagai cabaran dan dugaan yang



dihadapinya dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang ketua keluarga. Namun, dalam beliau menempuh dugaannya, Lahuma dijemput menghadap Ilahi meninggalkan Jeha, isterinya serta anak-anaknya. Mereka harus meneruskan kehidupan. Isteri dan anak-anaknya mengambil alih tugas Lahuma mengerjakan sawah 14 relung pusaka keluarga. Saat Jeha mula hilang pertimbangan, Sanah serta adik-beradiknya tabah menyemai, menghalau ketam dan tiak, memotong serta mengetam padi hingga tersimpan di gebuk. Pelbagai rintangan yang terpaksa mereka hadapi seperti hujan lebat, banjir, binatang berbisa dan sebagainya. Namun, rintangan-rintangan tersebut tidak mematahkan semangat mereka dalam meneruskan kehidupan dengan bersandarkan kepada kalimat “mati hidup dan susah senang dipegang oleh Allah SWT.” Karya yang telah dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad ini mengandungi pelbagai nasihat, pengajaran dan menunjukkan erti semangat kekeluargaan, kecintaan serta pengabdian diri terhadap Sang Pencipta.

Penulis novel *Ranjau Sepanjang Jalan* iaitu Shahnnon Ahmad merupakan seorang sasterawan negara ke-2. Menurut Abdul Karim (2014), Dato’ Haji Shahnnon Ahmad bukan sahaja seorang pengarang, beliau juga merupakan tokoh dalam menyelidik, mengajar kesusasteraan serta mengkritik karya-karya sastera yang wujud pada ketika itu. Dengan mempunyai semangat keislaman dan nasionalisme yang tinggi, beliau telah berjaya menghasilkan karya-karya bermutu tinggi yang dapat menyentuh hati para masyarakat di negara ini. Shahnnon Ahmad merupakan anak kelahiran Sik, Kedah pada tahun 1933. Pada peringkat awal pembelajaran, Shahnnon Ahmad telah bersekolah di Sekolah Melayu Sik pada tahun 1941. Beliau seterusnya menyambung pengajiannya pada peringkat sekolah menengah di sebuah kolej iaitu Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar pada tahun 1947 sehingga 1953. Beliau telah

menyambung pengajiannya di Universiti Kebangsaan Australia dan berkhidmat sebagai pegawai penyelidik dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda pada tahun 1971. Beliau melanjutkan kariernya menjadi seorang pensyarah di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim dan telah berpindah ke Universiti Sains Malaysia pada 1974. Ketika berada di sana, beliau telah dilantik sebagai Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan pada tahun 1979 dan telah menjadi Profesor Sastera USM pada tahun 1980 serta menjadi profesor penuh pada 1982.



## 1.2 Penyataan Masalah

Generasi muda pada masa ini dilihat ramai terlibat dengan isu-isu gejala sosial seperti lumba haram, merompak, meragut, mencuri dan sebagainya. Isu ini juga tidak terkecuali dengan masalah dari aspek nilai keagamaan yang kian luntur dalam jiwa golongan muda tersebut. Akibatnya, berlakunya kes bunuh diri, merogol malah terdapat golongan tersebut yang mencuri wang di dalam tabung masjid. Hal ini telah membuktikan bahawa golongan muda pada masa ini berada di tahap yang membimbangkan dari aspek kerohanian dan keagamaan. (Aizan & Murni, 2017)

Dalam era semakin maju ini juga, masyarakat terdedah dengan aplikasi media sosial yang banyak memberikan manfaat kepada penggunanya. Walaupun begitu, pertumbuhan media sosial dalam kalangan masyarakat juga menimbulkan kesan yang negatif terutamanya dalam pengguna generasi muda. Hal ini juga turut dipersetujui oleh Mohamad Rafiuddin (2019) iaitu beliau menyatakan bahawa generasi muda akan terdedah terhadap pornografi yang tersebar di laman sosial seperti “*Twitter*”. Isu ini amat membimbangkan dalam kalangan generasi muda kerana hal ini menunjukkan keruntuhan moral atau pegangan agama individu. Isu ini juga membuktikan bahawa generasi muda kini mengabaikan dan tidak menghiraukan konsep ketuhanan dalam diri mereka.

Selain itu, terdapat juga isu yang mampu untuk menggugat ideologi ketuhanan dalam jiwa masyarakat kini khususnya golongan muda yakni isu sekularisme yang tersebar di negara ini. Luqman Zainal Abidin (2020) menjelaskan bahawa sekularisme merupakan fahaman yang memisahkan sesebuah ilmu itu dengan agama yang dianuti. Isu ini amat membimbangkan terutamanya dalam aspek keagamaan kerana fahaman

ini akan menimbulkan kekeliruan dan kekecohan dalam kalangan masyarakat khususnya golongan muda yang baru sahaja ingin mendalami ilmu agama. Isu ini dikhuatiri akan mengakibatkan generasi akan datang lebih mementingkan hal-hal berkaitan duniawi sehingga mengabaikan ketuhanan dalam hidup mereka yang menjadi panduan utama dalam kehidupan seseorang.

Pengkaji berpendapat bahawa ideologi ketuhanan yang telah ditunjukkan oleh pengarang seharusnya terus terkandung dalam sesebuah karya sehingga kini. Hal ini dikatakan demikian kerana ideologi tersebut amat penting kepada masyarakat agar golongan masyarakat ini dapat memantapkan lagi keimanan dan pegangan mereka terhadap agama terutamanya agama Islam yang merupakan agama majoriti di negara ini khususnya dalam kalangan generasi muda. Melalui kajian-kajian yang bersifat ketuhanan, suntikan ideologi ketuhanan yang secara alami dapat menyedarkan manusia kepada hakikat kejadiannya sebagai seorang hamba. Selain itu juga, konsep dan ideologi ketuhanan juga dapat diperjelaskan dengan lebih terperinci yang terdapat dalam karya sastera di negara ini.

### 1.3 Persoalan Kajian

Terdapat beberapa persoalan yang timbul dalam menghasilkan kajian ini agar dapat menghasilkan kajian dengan lebih terperinci iaitu:-

1. Apakah ideologi ketuhanan yang terkandung dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*?
2. Bagaimanakah ideologi ketuhanan terkandung dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* dapat diaplikasikan berdasarkan teori Takmilah?
3. Apakah kepentingan konsep ketuhanan yang terkandung dalam karya kesusasteraan Melayu?

#### 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bagi memenuhi beberapa objektif yang telah ditetapkan iaitu:-

1. Mengenal pasti ideologi ketuhanan yang terkandung dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*.
2. Mengaplikasikan teori Takmilah berdasarkan ideologi ketuhanan yang terdapat dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*.
3. Menganalisis kepentingan konsep ketuhanan yang terkandung dalam karya kesusasteraan Melayu.

## 1.5 Skop Kajian

Ketika menjalani kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat skop kajian yang perlu dititik beratkan agar kajian ini tidak melangkai skop yang ingin dikaji. Dalam konteks ini, kajian ini dilakukan terbatas dan hanya memberikan tumpuan terhadap kesusasteraan sahaja tanpa melibatkan aspek-aspek yang tidak berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Skop kajian ini memfokuskan terhadap teks sastera iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan* yang telah dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad. Kajian ini juga menumpukan terhadap perbincangan mengenai ideologi ketuhanan yang terkandung dalam watak dan perwatakan serta jalan cerita teks tersebut. Secara keseluruhannya, pengkaji memilih teks *Ranjau Sepanjang Jalan* sebagai tunjang utama sepanjang kajian ini dijalankan kerana teks tersebut mengandungi ideologi ketuhanan yang ingin disampaikan oleh Shahnnon Ahmad secara tersurat mahupun tersirat. Selain itu, watak yang terdapat pada teks ini juga dilihat menunjukkan nilai-nilai keagamaan yang boleh dijadikan sebagai analisis kajian ini dengan menggunakan tiga daripada ketujuh-tujuh prinsip yang terdapat pada teori tersebut iaitu Prinsip Khalayak ke Arah Insan *Kamil* (sempurna), Keislaman yang Bersifat *Akmal* (sempurna) dan Pengkarya yang Seharusnya Mengistimakan Diri (menyempurnakan).

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Kajian yang hendak dilakukan ini bertujuan untuk mengkaji dengan lebih mendalam mengenai ideologi ketuhanan yang terkandung dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad yang merupakan seorang tokoh yang banyak menabur jasanya bukan sahaja dalam dunia kesusasteraan, namun juga kepada masyarakat di negara ini dalam lebih mendekati diri terhadap Tuhan. Pengkaji berpendapat bahawa pengkajian ini perlu dilakukan secara menyeluruh agar dapat memperbanyakkan lagi kajian mengenai ideologi ketuhanan dalam karya seorang tokoh yang amat besar namanya dalam dunia kesusasteraan.

### **1.6.1 Individu**

Kajian yang dilakukan ini diharap dapat memberikan manfaat dan faedah kepada individu khususnya dalam kalangan pelajar kesusasteraan. Hasil dapatan kajian yang dijumpai ini mengandungi kepentingan kepada pelajar khususnya pelajar kesusasteraan yang dapat dijadikan sebagai bahan rujukan dalam kajian mereka pada masa akan datang.

### **1.6.2 Masyarakat**

Bagi kalangan masyarakat pula, hasil dapatan kajian ini diharap dapat menarik minat masyarakat dalam membaca lebih banyak karya sastera yang berunsurkan konsep ketuhanan serta membantu masyarakat dalam menilai sesebuah teks sastera itu yang mengandungi unsur ketuhanan, kerohanian, keislaman dan sebagainya.



### **1.6.2 Institusi**

Selain itu, kepentingan kajian ini juga diharapkan dapat memberi manfaat kepada institusi iaitu kepada pihak fakulti mahupun universiti. Hal ini dikatakan demikian kerana pihak institusi dapat menggunakan hasil kajian ini dalam menjalankan program-program tertentu, bahan rujukan dan sebagainya.

### **1.6.3 Negara**

Seterusnya, kepentingan kajian ini diharapkan mampu untuk memberikan sumbangan dalam aspek keagamaan terhadap negara. Masyarakat terutamanya yang beragama Islam dapat menguatkan lagi pegangan serta akidah mereka terhadap agama melalui karya-karya kesusasteraan yang mengandungi unsur keagamaan.

## 1.7 Definisi Operasional

### 1.7.1 Definisi Ketuhanan

Fadilah Zaini (2017) berpendapat bahawa Tuhan dapat ditakrifkan sebagai sesuatu pencipta terhadap bukan sahaja seluruh yang wujud di muka bumi ini malah yang mencipta seluruh angkasa dan alam semesta. Tuhan juga bertindak dalam menguasai, mentadbir seluruh alam serta mempunyai kuasa yang amat tinggi sehingga tiada satu makhluk yang dapat menandinginya. Konsep ketuhanan amat penting dalam menunjukkan lambang kekuasaan serta menjelaskan peristiwa-peristiwa dalam kehidupan yang sukar untuk dijelaskan. Istilah ketuhanan itu sering kali dikaitkan dengan pegangan agama seseorang. Hal ini dikatakan demikian kerana pegangan hidup yang mempunyai hubungan dengan Tuhan boleh mempengaruhi cara berfikir, emosi dan tingkah laku seseorang.

Mohd Fakhrudin (1999) juga menyatakan pendapat beliau mengenai konsep Tuhan ini iaitu ketuhanan boleh dikatakan sebagai sesuatu yang kewujudannya rahsia (*sirr al-wujud*), lambang kebesaran dan keesaan, sesuatu yang digeruni, menjadi sumber terhadap keamanan, ketenangan, kebahagiaan serta keselamatan. Beliau juga menegaskan bahawa Tuhan merupakan pencipta kepada langit dan bumi dan segala makhluk yang berada di alam ini sama ada yang dapat dilihat oleh manusia ataupun tidak. Persoalan mengenai ketuhanan juga mempunyai hubung kait dengan pegangan akidah dan agama individu. Jika seseorang itu tidak didedahkan dengan nilai-nilai keagamaan sejak kecil lagi, maka individu tersebut akan menolak segala perihal mengenai ketuhanan dalam kehidupan sehariannya serta menggunakan logik akal semata-mata mengenai akidah, agama serta Tuhan itu sendiri.

### 1.7.2 Definisi Novel

Karya sastra berbentuk novel merupakan salah satu daripada karya kesusasteraan yang amat popular dalam kalangan remaja sehingga peringkat dewasa. Novel dikatakan mampu untuk menyampaikan ideologi-ideologi yang ingin didoktrinkan oleh pengarang terhadap masyarakat. Hal ini termasuk dalam aspek ketuhanan dan keagamaan iaitu pengarang yang mempunyai latar belakang keagamaan yang ingin membawa fahaman agama menerusi hasil karyanya. (Nor Hasimah Ismail & Melor Fauzita, 2016). Hal ini dikatakan demikian kerana pengarang tersebut merasakan bahawa mereka bertanggungjawab dalam menyebarkan konsep ketuhanan kepada khalayak umum terutamanya kepada generasi muda yang merupakan pemangkin kepada masa hadapan. Pada era ini, novel masih mendapat tempat dihati generasi baharu disebabkan oleh munculnya penulis-penulis terkini yang berusaha untuk melakukan perubahan mengikut peredaran dan kesesuaian pada zaman ini.

Utami (2022) telah menyatakan pendapatnya mengenai definisi novel iaitu perkataan novel diambil daripada bahasa Itali iaitu *novella* yang membawa maksud kepada sebuah benda kecil yang baharu. Kebanyakan novel diilhamkan daripada pengalaman hidup seseorang yang mengandungi latar tempat dan juga masa yang dihasilkan dalam bentuk sastra cereka. Menurutnya lagi, terdapat tiga faktor utama dalam penghasilan sebuah novel iaitu pengalaman peribadi pengarang, realiti kehidupan masyarakat yang terjadi pada masa itu dan imaginasi pengarang. Semua faktor tersebut dapat menghasilkan sebuah idea teras yang seterusnya diubah suai, diolah dan disesuaikan untuk menghasilkan sebuah karya yang bermutu tinggi.

## 1.8 Organisasi Bab

Kajian ini secara keseluruhannya mengandungi lima bab yang dibincangkan. Pembahagian organisasi kajian dilakukan agar proses penyelidikan berjalan dengan lebih lancar, tersusun serta kemas.

### **Bab Satu**

Bab ini mengandungi pendahuluan yang membincangkan mengenai pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi operasional dan kesimpulan.

### **Bab Dua**

Bab ini akan membincangkan mengenai kajian literatur yang merangkumi tinjauan sorotan kajian lepas daripada pelbagai sumber yang jelas seperti pengkajian berkaitan ideologi ketuhanan dalam kesusasteraan, pengkajian mengenai Shahnnon Ahmad dan novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, pengkajian tentang teori Takmilah dan diakhiri dengan kesimpulan.

### **Bab Tiga**

Bab ini pula menyatakan mengenai metodologi kajian seperti kaedah yang dilakukan dalam melaksanakan kajian. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan mengumpul data dalam sumber internet. Kaedah analisis teks menggunakan novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad.

#### **Bab Empat**

Bab ini mengandungi analisis dan hasil dapatan kajian. Bab ini secara khususnya mengandungi ideologi ketuhanan yang terkandung dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad. Selain itu juga, bab ini membincangkan fungsi-fungsi ideologi ketuhanan dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* kepada masyarakat. Akhir sekali, mengaplikasikan teori Takmilah terhadap ideologi ketuhanan dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*.

#### **Bab Lima**

Bab ini merupakan bab penutup bagi kajian yang hendak dikaji oleh mengkaji iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan karya Shahnnon Ahmad*. Dimana, bab ini merumuskan semua perbincangan serta dapatan kajian untuk menyelesaikan segala objektif dan persoalan kajian yang hendak diketengahkan oleh kajian ini. Dalam konteks ini, terdapat kesan dan cadangan kajian yang akan datang juga terdapat dalam bab ini.

## 1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, novel kajian ini iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad mengandungi ideologi ketuhanan serta unsur-unsur keislaman yang dapat dijadikan sebagai pengajaran serta pedoman kepada masyarakat yang membacanya. Pelbagai persoalan yang timbul yang menyebabkan wujudnya objektif untuk mengenal pasti ideologi ketuhanan yang wujud dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*. Setiap perkara yang mempunyai hubungan kait dengan kajian telah pun diwujudkan untuk mengisi kekosongan sorotan kajian lepas iaitu dengan beberapa artikel, jurnal, tesis dan buku. Oleh itu, kajian ini diharap dapat dilaksanakan dengan lebih terperinci dan memenuhi keperluan penyelidikan pada masa akan datang.

## BAB 2

### KAJIAN LITERATUR

#### 2.0 Pengenalan

Kajian literatur merupakan sebuah kaedah kajian yang dijalankan secara sistematik supaya dapat menganalisis permasalahan kajian yang dijalankan. Melalui bab ini, pengkaji meneliti kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji lepas dalam menyempurnakan kajian ini. Kajian literatur dapat dijalankan dengan menganalisis sorotan kajian lepas yang dapat diambil melalui jurnal, tesis, buku dan sebagainya untuk dijadikan sebagai maklumat penyelidikan mengenai permasalahan kajian yang dijalankan. Sorotan kajian lepas mengenai ideologi ketuhanan, teks *Ranjau Sepanjang Jalan*, karya-karya Shahnnon Ahmad serta teori Takmilah diambil untuk meneliti permasalahan kajian ini. Sorotan kajian lepas secara keseluruhannya diambil dari kajian tempatan dan antarabangsa.

#### 2.1 Tinjauan Literatur Berkaitan Konsep Ketuhanan

Ning Ratna Sinta Dewi (2021), telah menghasilkan tajuk kajian beliau iaitu *Konsep Ketuhanan Dalam Filfasat*. Jurnal ini diterbitkan oleh *Abrahamic Religions: Jurnal Studi Agama-Agama*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis falsafah ketuhanan yang terkandung di agama-agama yang wujud di dunia ini dengan menggunakan pendekatan falsafah. Objektif kajian ini adalah untuk membincangkan mengenai konsep ketuhanan terhadap agama-agama terdahulu dan aliran-aliran dalam konsep ketuhanan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu dengan memperoleh maklumat menerusi kaedah kepustakaan. Kaedah ini dijalankan dengan

menghimpunkan segala dokumen, teks dan buku yang mempunyai hubung kait dengan persoalan dalam falsafah ketuhanan. Melalui kajian ini, pengkaji mendapati bahawa konsep ketuhanan itu berbeza-beza mengikut agama itu sendiri. Dalam konteks ini, pengkaji mendapati bahawa terdapatnya perbezaan dengan kajian pengkaji dari segi objektif kajian. Kajian lepas ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji konsep ketuhanan terhadap agama-agama terdahulu manakala kajian pengkaji dilakukan bertujuan untuk mengkaji konsep ketuhanan terhadap agama Islam.

Kajian lepas yang seterusnya bertajuk *Falsafah Alam Dalam Konteks Falsafah Ketuhanan Menurut Hamka* telah dikaji oleh Zul'Azmi Yaakob pada tahun 2012. Jurnal ini telah diterbitkan oleh Jurnal Pemikiran Islam Antarabangsa. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji hubungan antara alam dengan Tuhan mengikut pandangan tokoh sastera terkemuka dalam dunia kesusasteraan iaitu Buya Hamka. Menurutnya, masyarakat kini kurang peka terhadap isu alam sekitar yang melanda dunia ini disebabkan kurangnya penghayatan mereka terhadap agama yang merupakan panduan manusia dalam menilai perbuatan yang baik mahupun buruk. Melalui kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dalam metodologi kajiannya. Pendekatan tersebut adalah dengan menggunakan kaedah kepustakaan seperti menganalisis teks, jurnal, buku, tesis dan sebagainya. Menurut pengkaji, kajian ini mendapati bahawa unsur alam dan ketuhanan saling berkait rapat dan tidak dapat dipisahkan. Hal ini demikian kerana seluruh alam ini dicipta oleh Tuhan Yang Maha Berkuasa dan manusia harus memeliharanya dengan sempurna. Kajian lepas ini mempunyai perbezaan dengan kajian pengkaji iaitu kajian lepas ini memberi fokus terhadap hubungan alam sekitar dengan Tuhan manakala kajian



pengkaji memfokuskan terhadap ideologi serta konsep ketuhanan yang bersifat lebih holistik.

Mohd Fakhrudin Abdul Mukti (1999), telah menghasilkan sebuah kajian mengenai konsep ketuhanan yang bertajuk *Isu ketuhanan Dalam Bicara Falsafah* melalui Jurnal Usuluddin. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji konsep ketuhanan mengikut pelbagai falsafah yang merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia sejak dahulu hingga kini. Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk melihat pandangan serta pendapat para falsafah terdahulu sehingga kini mengenai isu ketuhanan dalam kalangan masyarakat. Menurut pengkaji, kedatangan Islam kepada masyarakat telah mendatangkan sinar harapan baharu ketika mereka sedang dilanda musibah dan kekecohan yang berlaku di dunia ini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah kepustakaan. Kajian ini dianalisis dengan berdasarkan buku *Fi al-Fikri al-Islami* karya Ibrahim Madkour. Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa falsafah Islam secara keseluruhannya telah mengemukakan isu ketuhanan dengan lebih baik. Dengan lahirnya tokoh-tokoh serta para sarjana Islam, falsafah Islam ini dilihat dapat mengukuhkan lagi isu ketuhanan yang timbul pada masa ini. Setelah meneliti kajian lepas ini, pengkaji mendapati bahawa terdapatnya perbezaan antara kajian lepas dengan kajian pengkaji. Perbezaannya itu adalah kajian lepas mengkaji mengenai isu ketuhanan mengikut ahli falsafah dari pelbagai sudut agama dan negara manakala kajian pengkaji mengenai ideologi ketuhanan dalam teks yang dihasilkan oleh pengarang tempatan.

Seterusnya, terdapat sebuah kajian mengenai ideologi ketuhanan yang dihasilkan oleh Fadilah Zaini pada tahun 2017 yang bertajuk *Ketuhanan dan Manusia*

*Dalam Pembentukan Peradaban Manusia Menurut Perspektif Islam.* Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk membuktikan hubungan antara Tuhan dan manusia dan setiap manusia itu memerlukan Tuhan dalam kehidupan sehariannya. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis peranan takdir Tuhan dalam kehidupan seharian manusia. Menurutnya, bagi mencapai kehidupan yang bahagia, hubungan antara manusia dan Allah itu amat penting dengan berlandaskan kepada al-quran dan al-Sunnah serta mengamalkan konsep usaha, doa dan tawakal. Pengkaji telah menggunakan teori Historiografi Islam bagi menyempurnakan kajiannya. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui kaedah kepustakaan. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat memperoleh maklumat melalui buku, jurnal teks, tesis dan sebagainya. Al-Quran dijadikan sebagai sumber utama dalam kajian ini. Hasil daripada kajian ini, pengkaji telah mendapati bahawa perkembangan yang telah berlaku dalam sejarah dunia disebabkan oleh wujudnya sejarah Islam. Hal ini kerana Islam itu sendiri dapat dijadikan sebagai sebuah garis panduan yang dapat digunakan oleh semua masyarakat di dunia ini. Menerusi kajian lepas ini, pengkaji mendapati terdapatnya perbezaan dengan kajian pengkaji iaitu dari segi penggunaan teori kajian. Kajian lepas ini mengaplikasikan teori Historiografi Islam dalam kajiannya manakala, pengkaji telah menggunakan teori Takmilah sebagai panduan dalam kajian ini.

Sorotan kajian lepas yang seterusnya adalah *Konsep Tuhan dan Agama Dalam Metafizik Stephen Hawking (1942-2018) Menerusi Brief Answer To The Big Question: Suatu Analisis Dari Perspektif Islam* yang dikaji oleh Wan Mohd Fazrul dan Mastura Abd Wahab pada tahun 2020. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji konsep ketuhanan mengikut tokoh dalam bidang sains iaitu Stephen Hawking menerusi pandangan agama Islam. Objektif kajian ini adalah untuk membahaskan mengenai

perbezaan pandangan dari sudut agama antara Stephen Hawking dan perspektif Islam. Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif melalui kaedah kepustakaan iaitu dengan merujuk buku *Brief Answers to the Big Questions* karya Stephen Hawking. Hasil daripada kajian ini, pengkaji mendapati bahawa Stephen Hawking tidak mempercayai bahawa Tuhan itu wujud dan menolak segala peranan Tuhan yang telah menciptakan alam ini. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau hanya menggunakan logik akal dan pandangannya sahaja mengenai Tuhan dan mengabaikan konsep kerohanian. Pengkaji juga mendapati beliau adalah seorang penganut fahaman naturalisme saintifik atau dikenali sebagai ateis. Dalam konteks ini, pengkaji mendapati bahawa terdapatnya perbezaan antara kajian lepas ini dengan kajian pengkaji. Perbezaan tersebut adalah kajian lepas ini mengkaji konsep ketuhanan dalam pandangan Stephen Hawking menerusi karyanya sendiri. Namun, kajian pengkaji pula adalah untuk melihat konsep ketuhanan yang ingin disampaikan oleh Shahnnon Ahmad dalam karyanya.

Shamsul Kamarudin (2011) telah menjalankan sebuah kajian yang bertajuk *Kepentingan Pendekatan Kepercayaan dan Keyakinan Kepada Tuhan Melalui PTV*. Jurnal tersebut telah diterbitkan oleh Journal of Edupres. Tujuan kajian ini adalah melihat amalan kerohanian yang diamalkan oleh agama-agama yang terdapat dalam negara ini. Objektif kajian tersebut dijalankan adalah untuk menganalisis faedah dalam meletakkan seluruh kepercayaan serta keyakinan terhadap Tuhan melalui Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia. Pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dalam menjayakan kajian ini menerusi kaedah kepustakaan. Segala maklumat mengenai kajian ini dapat diperoleh melalui buku, akhbar dan jurnal. Menurut pengkaji, setiap manusia itu haruslah mempunyai pegangan hidupnya

sendiri iaitu agama. Hal ini dikatakan demikian kerana agama itu sendiri mampu untuk menyempurnakan kehidupan seseorang dari aspek kerohanian mahupun kehidupan. Perbezaan antara kajian ini dengan kajian pengkaji ini dapat dilihat menerusi tujuan kajian tersebut dijalankan iaitu kajian lepas ini dilakukan untuk melihat kepentingan dalam mempercayai terhadap Tuhan. Kajian pengkaji pula dilakukan untuk melihat ideologi ketuhanan secara keseluruhan.

Kajian lepas seterusnya bertajuk *Konsep Tuhan di Dalam Al-Quran* yang dikaji oleh Hairul Anwar pada tahun 2015. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menghuraikan konsep ketuhanan yang terkandung dalam Al-Quran. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis serta membuktikan asal usul nama Allah dalam aspek kesejarahan dengan menggunakan isi yang terkandung dalam Al-Quran. Kajian ini juga untuk menjelaskan penggunaan nama Allah pada zaman terdahulu. Pendekatan kualitatif dijadikan sebagai kaedah kepada pengkaji untuk menghasilkan kajian tersebut. Pendekatan kualitatif tersebut dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis teks sejarah serta teks Al-Quran. Dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji telah mendapati bahawa penggunaan nama Allah telah wujud sejak pada zaman masyarakat Arab jahiliyah lagi. Nama tersebut kemudiannya telah digunakan oleh masyarakat penganut agama Yahudi dan Kristian. Akhir sekali, penggunaan nama Allah telah digunakan oleh masyarakat beragama Islam pada masa ini yang jelas sekali menunjukkan bahawa Allah itu merupakan Tuhan Yang Maha Esa. Menerusi kajian lepas ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat perbezaan dengan kajian pengkaji iaitu dari segi penggunaan teks kajian. Kajian lepas ini menggunakan teks Al-Quran sebagai bahan utama kajian. Manakala, kajian pengkaji menggunakan teks novel iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan* sebagai asas dalam melaksanakan kajian ini.

## 2.2 Tinjauan Literatur Berkaitan Karya Shahnnon Ahmad

Kathirasan A/L Doraisamy telah menghasilkan sebuah penulisan yang bertajuk *Pemikiran Shahnnon Ahmad dan Naguib Mahfouz dalam Novel-novel Terpilih: Satu Perbandingan* pada tahun 2004. Penulisan ini dilakukan bertujuan untuk melihat sebuah perbandingan mengenai novel-novel yang dihasilkan oleh pengarang di negara ini dengan novel-novel hasil daripada pengarang yang mempunyai pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti novel-novel yang dihasilkan oleh seorang pengarang tempatan iaitu Shahnnon Ahmad yang mendapat pengiktirafan Anugerah Nobel Kesusasteraan pada tahun 1988 dan novel-novel yang dihasilkan oleh seorang pengarang antarabangsa iaitu Naguib Mahfouz. Menurut penulis, kedudukan karya sastera khususnya novel di negara ini perlu ditentukan kedudukannya di peringkat antarabangsa.

Aspek yang dikaji oleh pengkaji menerusi kajian ini adalah pemikiran kedua-dua tokoh tersebut mengenai golongan tertindas, konflik, maruah serta pegangan agama dalam diri seseorang. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kepustakaan iaitu dengan menganalisis teks-teks karya Shahnnon Ahmad dan Naguib Mahfouz. Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapatnya persamaan antara Shahnnon Ahmad dan Naguib Mahfouz dari aspek pemikiran yang ingin dikaji. Seterusnya, hasil kajian menunjukkan karya Shahnnon Ahmad mengandungi nilainya yang tinggi setaraf dengan karya Naguib Mahfouz dan penulisan novel di negara ini mampu untuk mencapai peringkat antarabangsa sekiranya karya-karya Shahnnon Ahmad dinilai dalam penulisan novel di negara ini. Menerusi kajian lepas ini, perbezaan dapat dilihat antara kajian lepas dengan kajian pengkaji. Perbezaannya itu adalah kajian lepas ini melakukan perbandingan terhadap

kedua-dua tokoh dalam bidang kesusasteraan iaitu Shahnnon Ahmad dan Naguib Mahfouz. Manakala, kajian pengkaji memfokuskan mengenai kajian terhadap teks yang dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad sahaja.

Kajian lepas seterusnya dihasilkan oleh Arba'ie Sujud et al pada tahun 2015 yang bertajuk *Pemikiran Politik: Pemimpin dan Kepemimpinan dalam Novel Shahnnon Ahmad*. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis karya Shahnnon Ahmad yang mengetengahkan isu sikap pemimpin tanah air berdasarkan pengalamannya dalam bidang politik. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan kekecohan yang berlaku dalam kalangan pemimpin yang disebabkan oleh sikap mereka sendiri menerusi karya-karya yang dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad yang menimbulkan isu permasalahan yang wujud dalam dunia politik berdasarkan pengalaman beliau yang pernah terlibat dalam dunia tersebut. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti dan menganalisis pemikiran politik negara menerusi karya-karya Shahnnon Ahmad. Pendekatan kualitatif dijadikan sebagai pendekatan dalam melengkapkan kajian ini menerusi kaedah kepustakaan, analisis teks serta pengkaji mengaplikasikan teori Konseptual Kata Kunci dalam mengukuhkan lagi kajian ini. Menurut pengkaji, kajian ini mendapati bahawa terkandungnya pemikiran politik dalam karya Shahnnon Ahmad mengenai kepimpinan yang memberikan tumpuan terhadap perwatakan negatif pemimpin dalam menggalaskan tanggungjawab yang diamanahkan. Pengkaji mendapati bahawa kajian lepas ini berbeza dengan kajian pengkaji iaitu kajian lepas ini mengkaji mengenai aspek kepimpinan yang terkandung dalam karya Shahnnon Ahmad. Kajian pengkaji pula mengkaji mengenai aspek ketuhanan yang terdapat dalam sebuah karyanya sahaja.

Selain itu, terdapat kajian lepas mengenai Shahnnon Ahmad yang bertajuk *Konsep Sastera Islam Oleh Shahnnon Ahmad* pada tahun 2017 oleh Adli Yaacob. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji dengan lebih terperinci mengenai konsep sastera Islam yang diasaskan oleh Shahnnon Ahmad. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menganalisis kepelbagaian pendekatan yang digunakan oleh Shahnnon Ahmad dalam karya kesusasteraannya. Hal ini juga termasuk dalam aspek sumbangannya terhadap bidang kesusasteraan melalui penulisan bukan fiksyen beliau seperti esei, kritikan, ulasan dan kertas kerja. Kajian ini juga mengetengahkan kekuatan Shahnnon Ahmad dalam berinteraksi dengan masyarakat melalui hasil karyanya. Melalui kajian ini, pengkaji telah mendapati bahawa Shahnnon Ahmad telah menggariskan beberapa fakta penting mengenai konsep sastera Islam iaitu menerapkan Islam dalam penulisan, ciri-ciri dalam mewujudkan sastera Islam, faktor yang menyekat khalayak daripada menghayati Islam, kesan fahaman sekular terhadap sasterawan, nilai imaginasi berdasarkan Islam dan pendisiplinan dalam mewujudkan sasterawan Islam di negara ini. Setelah diteliti kajian lepas ini, pengkaji menemui bahawa terdapatnya perbezaan antara kajian lepas dengan kajian pengkaji. Perbezaan yang dapat dilihat adalah kajian lepas ini konsep sastera Islam oleh Shahnnon Ahmad secara menyeluruh dan kajian pengkaji adalah mengenai ideologi ketuhanan berdasarkan teks *Ranjau Sepanjang Jalan* .

### 2.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Novel *Ranjau Sepanjang Jalan*

Kajian lepas mengenai novel *Ranjau Sepanjang Jalan* telah dijalankan oleh Nur Nafishah, Rohani Hashim dan Rahimah A. Hamid pada tahun 2012 melalui tajuk kajiannya iaitu *Kesetiaan Kepada Teks: dari Novel ke Filem Ranjau Sepanjang Jalan*. Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menganalisis perbezaan yang telah dilakukan oleh pengarah filem dengan teks *Ranjau Sepanjang Jalan*. Objektif kajian ini adalah mengkaji kesan gaya bahasa dan penyampaian terhadap pembaca melalui dialog yang disampaikan. Selain itu juga, kajian ini juga memberi fokus terhadap kemampuan sebuah filem untuk mengeluarkan kandungan yang terdapat dalam sebuah novel melalui watak-watak yang dikaji. Pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dalam melengkapkan kajian ini melalui kaedah kepustakaan dan analisis teks *Ranjau Sepanjang Jalan*. Kajian ini mendapati bahawa terdapat adaptasi tertutup antara novel dan filem adaptasi *Ranjau Sepanjang Jalan*. Hal ini dapat dibuktikan melalui terdapatnya sesetengah teks dan dialog yang diambil dari teks kepada filem. Walaupun kandungan dalam novel tidak diambil secara keseluruhan, namun pengarah filem masih mengekalkan nilai, kualiti serta kesan emosi kepada khalayak. Menurut pengkaji, terdapat perbezaan antara ideologi yang ingin disampaikan oleh pengarang novel dan juga pengarah filem serta pengkaji juga berpendapat bahawa tidak semua elemen naratif dalam sesebuah novel perlu diterapkan ke dalam filem adaptasi. Dalam konteks ini, perbezaan dapat dilihat antara kajian lepas ini dengan kajian pengkaji iaitu kajian lepas ini lebih menumpukan terhadap adaptasi dari novel *Ranjau Sepanjang Jalan* dalam bentuk filem. Manakala, kajian pengkaji pula memfokuskan terhadap ideologi ketuhanan dalam teks sama iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan* yang ingin disampaikan oleh pengarang terhadap khalayak.



Sorotan kajian lepas yang seterusnya adalah *Ranjau Sepanjang Jalan dari Kaca Mata Sosiologi* yang telah dihasilkan oleh Sara Beden dan Alice Rayon pada tahun 2021. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad melalui teori Sosiologi. Objektif kajian ini adalah menganalisis serta mengkritik dari perspektif sosial dalam kalangan masyarakat Melayu menerusi novel *Ranjau Sepanjang Jalan*. Dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif dengan memfokuskan terhadap analisis teks. Pengkaji juga mengaplikasikan teori Sosiologi ke dalam kajian ini bagi mengukuhkan lagi hujah pengkaji. Hasil kajian ini membuktikan bahawa novel kajian ini mempunyai hubungan yang rapat dengan pengalaman hidup pengarang menerusi isu-isu sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu yang memberikan penderitaan dari aspek fizikal, mental dan jiwa watak-watak pada novel ini. Berdasarkan kajian lepas ini, pengkaji dapat mengenal pasti bahawa terdapatnya perbezaan antara kajian lepas dan kajian pengkaji. Perbezaan tersebut dapat dilihat melalui penggunaan teori dalam kajian lepas ini iaitu dengan menggunakan teori Sosiologi. Manakala, pengkaji pula menggunakan teori Takmilah sebagai sebahagian daripada proses dalam menghasilkan kajian ini.

#### 2.4 Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Takmilah

Tinjauan literatur mengenai teori Takmilah dapat dilihat menerusi kajian yang dihasilkan oleh Siti Nur Anis Muhammad Apandi et al pada tahun 2022 yang bertajuk *Pemaparan Jenis Akhlak Menerusi Kumpulan Puisi As-Salam Karya Suhaimi Haji Muhammad Berdasarkan Teori Takmilah*. Objektif kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis nilai moral yang terkandung dalam hasil karya puisi Suhaimi Haji Muhammad dan menerangkan dengan lebih terperinci mengenai faktor-faktor yang mendorong kepada penurunan aspek moral yang dijumpai dalam puisi terpilih. Kajian ini secara keseluruhannya menggunakan pendekatan kualitatif. Sebuah teks yang mengandungi puisi karya Suhaimi Haji Muhammad digunakan bagi menganalisis data. Kajian ini juga mengaplikasikan teori Takmilah bagi menghasilkan sebuah kajian yang lengkap dengan menggunakan Prinsip Kerasulan sebagai *Insan Kamil* (sempurna). Proses pengumpulan data berkaitan pembudayaan akhlak Islam melalui puisi-puisi terpilih dilakukan melalui petikan yang sesuai bagi menjawab objektif kajian ini. Hasil kajian mendapati puisi karya Suhaimi Haji Muhammad mengandungi unsur-unsur akhlak Islamiah seperti kejujuran, merendah diri, dan belas kasihan. Walau bagaimanapun, kajian ini juga dilakukan untuk mengenal pasti faktor kemerosotan moral dalam puisi yang sama, seperti materialisme, keangkuhan, dan mementingkan diri sendiri. Kajian ini merumuskan bahawa pembudayaan akhlak Islam melalui sastera, khususnya puisi, adalah penting dalam menggalakkan nilai-nilai positif dan memerangi kemerosotan akhlak dalam masyarakat. Kajian ini juga mengetengahkan kepentingan pendekatan Takmilah dalam menganalisis dan mengkritik sastera berdasarkan konsep tauhid dan prinsip Takmilah. Dalam konteks ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat perbezaan antara kajian lepas ini dengan

kajian pengkaji iaitu kajian ini menggunakan Prinsip Kerasulan sebagai *Insan Kamil* (sempurna). Manakala, kajian pengkaji pula menggunakan Prinsip Khalayak ke Arah *Insan Kamil* (sempurna), Keislaman yang Bersifat *Akmal* (sempurna) dan Pengkarya yang Seharusnya Mengistimalkan Diri (menyempurnakan).

Seterusnya, terdapat kajian lepas mengenai teori Takmilah bertajuk *Kerasulan Insan Kamil Membentuk Modal Insan dalam Novel Imam* yang telah dihasilkan oleh Zaidi Ahmad, Azhar Abdul Wahid dan Adul Halim Ali pada tahun 2020. Kajian ini telah dihasilkan bertujuan untuk menunjukkan sebuah novel pilihan pengkaji iaitu *Imam* karya Abdullah Hussain yang boleh dijadikan sebagai kaedah dalam memberikan pengajaran serta membentuk akhlak individu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah kajian kepustakaan melalui menganalisis teks *Imam* yang merupakan sumber utama. Kajian ini juga menggunakan teori Takmilah sebagai panduan kepada pengkaji dalam proses melengkapkan kajiannya. Melalui teori tersebut, pengkaji telah memilih satu prinsip yang terkandung dalam teori tersebut yakni Prinsip Kerasulan sebagai *Insan Kamil* dengan memberikan tumpuan terhadap seluruh peristiwa yang terjadi dalam novel kajian yang boleh dijadikan sebagai teladan dan pengajaran. Pengkaji juga menumpukan terhadap beberapa konsep keinsanan iaitu insan Khalifah, Rabbani dan *Kamil* yang terdapat pada watak-watak novel *Imam*. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa terdapatnya nilai-nilai murni dalam novel *Imam* yang dapat dijadikan sebagai contoh dalam mendidik jiwa masyarakat ke arah insan berakhlak mulia. Menerusi kajian lepas ini, pengkaji mendapati bahawa terdapatnya perbezaan antara kajian lepas dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Perbezaan tersebut dapat dilihat melalui penggunaan prinsip yang terdapat pada teori Takmilah ini iaitu kajian lepas ini menggunakan Prinsip

Kerasulan sebagai Insan *Kamil* (sempurna). Manakala, kajian pengkaji pula menggunakan prinsip yang lain iaitu Prinsip Khalayak Bertujuan Memupuk Mereka ke Arah Insan *Kamil* serta beberapa lagi prinsip lain sebagai panduan dalam menghasilkan tugas ini.

## **2.5 Rumusan**

Kesimpulannya, ideologi ketuhanan amat penting untuk diterapkan dalam karya kesusasteraan khususnya novel. Hal ini dikatakan demikian kerana novel merupakan karya kesusasteraan berbentuk teks yang menjadi tempat dihati masyarakat terutamanya bagi golongan generasi muda. Perkara ini haruslah dipandang berat oleh segenap masyarakat kerana generasi muda ini merupakan pelapis kepada pembangunan sesuatu agama, bangsa mahupun negara. Oleh hal yang demikian, ideologi atau konsep ketuhanan itu sendiri penting untuk diserapkan ke dalam jiwa generasi muda agar dapat dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan mereka.

## BAB 3


### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Bab tiga ini membincangkan mengenai penggunaan metod yang dijadikan sebagai medium dalam kajian ini. Bahagian ini akan membincangkan mengenai kaedah kajian dan teori yang digunakan untuk menganalisis ideologi ketuhanan dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad. Pada bahagian ini juga menerangkan kaedah pengkaji dalam mencapai objektif dan tujuan utama kajian ini dijalankan melalui pendekatan dan teori yang dipilih oleh pengkaji. Selain itu, bahagian ini juga membantu pengkaji dalam mengenal pasti metod yang digunakan dalam kajian ini. Hal ini supaya dapat menghasilkan sebuah kajian yang lebih teratur dan bersistematik. Kajian ini menjalankan beberapa kaedah dalam menganalisis kajian antaranya adalah pembacaan data dengan merujuk teks *Ranjau Sepanjang Jalan* serta Internet bagi memperoleh segala maklumat dan data yang lebih tepat.

### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Tujuan reka bentuk kajian ini dicipta untuk mengetahui hala tuju sebuah kajian supaya dapat dilakukan menerusi landasan yang betul dan tersusun mengikut piawaian yang betul. Kajian ini menggariskan tentang kaedah penyelidikan yang bersifat kualitatif yang merujuk kepada kaedah kepustakaan, analisis teks dan sumber Internet. Bagi menghasilkan kajian ini, reka bentuk kajian menggambarkan secara ringkas dan padat mengenai struktur serta kaedah kajian yang digunakan. Struktur kajian ini akan memberi fokus terhadap objektif kajian yang akan dicapai serta panduan untuk menganalisis ideologi ketuhanan berdasarkan novel yang telah dipilih oleh pengkaji.



Rajah 3.1: Reka bentuk kajian

## 3.2 Kaedah Kajian

Kajian yang dijalankan adalah sebuah kajian mengenai ideologi ketuhanan dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad menerusi pendekatan kualitatif. Bagi menguatkan lagi hujah berdasarkan kajian teks ini, pengkaji juga telah menjalankan kajian kepustakaan dan Internet. Novel yang dipilih oleh pengkaji iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan* dijadikan sebagai analisis kajian ini yang akan mengetengahkan ideologi ketuhanan yang terdapat dalam watak dan perwatakan dalam novel ini.

### 3.2.1 Kaedah Kepustakaan


Bagi melengkapkan kajian ini, pengkaji memperoleh maklumat kajian melalui perpustakaan untuk mendapatkan bahan yang berkaitan dengan kajian ini. Perpustakaan yang digunakan oleh pengkaji agar memperoleh maklumat adalah perpustakaan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kampus Bachok. Kaedah ini dijalankan menerusi penelitian dokumen yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji seperti jurnal, tesis, buku, artikel, majalah dan juga dokumen bertulis yang lain. Menerusi kaedah ini, pengkaji akan meneliti terlebih dahulu mengenai setiap dokumen, bahan dan maklumat yang dipilih oleh pengkaji dalam melengkapkan kajian ini. Mohd Sheffie (1991) berpendapat bahawa setiap penyelidik yang menjalankan sesebuah kajian itu mestilah mempunyai beberapa kaedah dalam memperoleh data dan maklumat kajian dan salah satunya adalah kaedah kepustakaan. Oleh hal yang demikian, pengkaji akan mendapatkan segala maklumat berkaitan dengan ideologi ketuhanan dalam karya teks kesusasteraan. Selain itu juga, maklumat



yang diperoleh pengkaji menerusi perpustakaan adalah bahan yang tepat dan sah untuk dijadikan sebagai rujukan kajian ini.

### **3.2.2 Kaedah Analisis Tekstual**

Bagi menghasilkan kajian ini, pengkaji telah memilih sebuah teks yang bersesuaian dengan tajuk kajian ini iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan* yang telah dihasilkan pada tahun 1966 oleh seorang sasterawan yang masyhur dalam dunia kepengarangan dan kesusasteraan iaitu Shahnnon Ahmad. Menerusi teks ini, pengkaji akan mengambil aspek yang berkaitan dengan konsep dan ideologi ketuhanan yang ingin disampaikan oleh pengarang terhadap khalayak. Analisis teks merupakan sebuah kaedah yang perlu diberi tumpuan yang lebih agar pengarang tidak melanggar sebarang etika sepanjang kajian ini dihasilkan. Perkara ini juga dapat membantu pengkaji untuk memperoleh segala maklumat dalam proses melengkapkan sebuah analisis data. Segala maklumat dan data yang diperoleh dari teks yang ingin dikaji disampaikan dalam bentuk rajah, tulisan dan simbol agar kajian ini lebih mudah difahami.



Rajah 3.2: Teknik analisis teks berdasarkan kajian kualitatif teks *Ranjau Sepanjang Jalan*.


### 3.2.3 Sumber Internet

Pengkaji menggunakan Internet sebagai salah satu kaedah dalam mencari maklumat yang berkaitan dengan kajian. Melalui kaedah ini, pengkaji meneliti terlebih dahulu segala maklumat yang diperoleh dari Internet yang dijadikan sebagai bahan rujukan kajian. Hal ini bertujuan supaya dapat menghasilkan sebuah kajian yang terkandungnya maklumat lengkap dan sahih. Laman sesawang seperti *Google Scholar*, Dewan Bahasa dan Pustaka, *Academia* dan sebagainya dijadikan sebagai bahan rujukan yang berkaitan dengan kajian pengkaji. Melalui kaedah ini juga,

pengkaji boleh mendapati pelbagai maklumat dan hasil kajian lepas yang telah dihasilkan oleh penyelidik terdahulu menerusi laman sesawang yang telah dinyatakan. Selain itu, pengkaji menyelidik segala maklumat yang diperolehi dengan terperinci agar tidak melanggar sebarang etika penulisan dan memastikan agar maklumat tersebut sah dan tepat untuk dimasukkan dalam kajian ini.

### **3.3 Proses Pengumpulan Data**

Proses pengumpulan data merupakan sebuah kaedah mengumpul maklumat, memerhati sesuatu peristiwa, merekod, memilih dan mengasing segala bentuk maklumat (Maulida, 2020). Berdasarkan konteks ini, pengkaji sentiasa merujuk terhadap persoalan dan objektif kajian yang dijalankan agar maklumat yang dianalisis sentiasa tepat dan sah. Pengkaji mengumpul data yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian pengkaji yang dapat dianalisis dengan lebih terperinci. Maklumat yang diperolehi haruslah diteliti terlebih dahulu sebelum menggunakannya dalam analisis kajian ini. Terdapat pelbagai kaedah utama dalam proses pengumpulan data seperti pemerhatian, temu bual, data dokumen, soal selidik dan sebagainya. Dalam konteks ini, pengkaji telah menggunakan kaedah data dokumen dalam menghasilkan kajian ini.



Rajah 3.3: Proses pengumpulan data

### 3.4 Kaedah Analisis Data

Melalui kaedah ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan kualitatif dalam melengkapkan kajian ini dengan menganalisis data yang diperoleh melalui teks *Ranjau Sepanjang Jalan*. Dalam konteks ini juga, pengkaji membaca keseluruhan teks tersebut terlebih dahulu untuk memperoleh maklumat yang tepat. Segala maklumat mengenai ideologi ketuhanan akan dicari dan dikenal pasti. Dalam melengkapkan analisis kajian ini juga, pengkaji menggunakan teori Takmilah dengan menggunakan Prinsip Khalayak ke Arah Insan *Kamil* (sempurna), Keislaman yang Bersifat *Akmal* (sempurna) dan Pengkarya yang Seharusnya Mengistikmalkan Diri (menyempurnakan). sebagai tunjang utama agar data yang diperoleh selari dengan persoalan dan objektif kajian ini.

#### 3.4.1 Teori Takmilah

Asep Supriadi (2011) telah menjelaskan mengenai sejarah latar belakang berkenan teori ini iaitu teori Takmilah diasaskan oleh seorang tokoh tempatan yang bernama Shafie Abu Bakar pada tahun 1988. Menurutnya, perkataan Takmilah diambil daripada istilah Arab yang membawa maksud kepada penyempurnaan. Selain itu, Takmilah juga merupakan hasil daripada gabungan dua perkataan dalam bahasa Arab iaitu *Tajmilah* dan *Jamal*. Ketika proses melengkapkan teori ini, istilah tersebut melalui beberapa tahap penggunaannya seperti yang dinyatakan oleh pengasas teori ini sendiri iaitu Shafie Abu Bakar. Pada peringkat pertama dalam menghasilkan teori ini, Shafie Abu Bakar telah menghasilkan sebuah kertas kerja yang dibentangkan di Port Dickson, Negeri Sembilan pada tahun 1992 melalui seminar yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur dengan tajuk *Sastera Islam: Teori*

*Pengindahan dan Penyempurnaan dalam Rangka Tauhid*. Melalui kertas kerja ini, Shafie Abu Bakar telah menggunakan perkataan *Tajmilah* yang membawa maksud pengindahan dan *Takmilah* iaitu penyempurnaan. Namun pada peringkat pertama ini, kedua-dua perkataan tersebut tidak dijelaskan dengan lebih terperinci oleh beliau. Walau bagaimanapun, penggunaan istilah *Takmilah* telah diteruskan lagi oleh Shafie Abu Bakar melalui kertas kerja beliau yang bertajuk *Teks Hadiqat al-Azhar wa al-Rahayin: Sebagai Model Sastera Islam*. Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu III pada tahun 1993 yang dianjurkan oleh Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Melalui kertas kerja beliau yang terakhir mengenai teori Takmilah ini, beliau pada akhirnya telah meletakkan perkataan *Takmilah* pada kertas kerjanya iaitu *Takmilah: Teori Sastera Islam* melalui seminar yang bertajuk Nadwah Sastera Islam pada tahun 1993 yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Syafiq Fakhri (2019) menyatakan pandangannya mengenai teori ini iaitu hasil daripada beberapa tahap dalam menghasilkan teori ini, teori Takmilah mengandungi ciri-ciri tertentu dalam meletakkan teori ini selari dengan teori sastera berunsurkan keislaman. Menurutnya lagi, ciri-ciri tersebut haruslah mengandungi segala perihal mengenai ruang lingkup falsafah tauhid. Selain itu, sesebuah teks itu haruslah mengandungi nilai yang berlandaskan keislaman. Ciri seterusnya adalah pengarang dan teks itu sendiri haruslah mempunyai hubung kait mengenai nilai keislaman, tidak menerapkan ideologi yang bercanggah dengan ajaran Islam dan mengandungi unsur-unsur yang mengajak masyarakat ke arah kebaikan dengan cara tersirat. Sebagai contoh unsur-unsur yang dinyatakan adalah seperti dakwah, ketakwaan, kecintaan terhadap Tuhan dan keluhuran. Secara ringkasnya, teori

Takmilah ini mengetengahkan mengenai penghasilan sebuah karya yang mempunyai hubungan baik dengan Tuhan serta hubungan baik antara manusia itu sendiri. Dalam konteks ini, pengkaji memilih tiga prinsip yang terdapat dalam teori ini iaitu Prinsip Khalayak ke Arah Insan *Kamil* (sempurna), Keislaman yang Bersifat *Akmal* (sempurna) dan Pengkarya yang Seharusnya Mengistikmalkan Diri (menyempurnakan).

#### **3.4.1.1 Prinsip Khalayak ke Arah Insan *Kamil* (Sempurna)**

Melalui gagasan yang dihasilkan oleh Shafie Abu Bakar, teori ini mengandungi prinsip yang melibatkan khalayak dalam membentuk jati diri mereka ke arah insan *Kamil* (sempurna). Khalayak yang dinyatakan oleh beliau adalah merupakan sambutan terhadap sesebuah karya sastera yang mengandungi nilai-nilai mengajak ke arah keinsafan dalam kalangan pembaca. Dalam konteks ini, khalayak boleh ditakrifkan dengan individu mahupun sebilangan besar dalam kalangan masyarakat yang menghayati dan meminati karya khususnya dalam aspek sastera Islam. (Muhammad Syafiq Fakhri, 2019)

Langkah dalam mencapai khalayak menjadi insan *Kamil* ini menunjukkan kesan yang membangun dalam kalangan masyarakat dan menerapkan nilai-nilai keagamaan dalam jiwa mereka melalui penulisan dalam karya sastera. Pengarang dapat menyampaikan prinsip ini dalam karyanya dengan mempunyai makna yang tersurat serta tersirat dalam usaha untuk khalayak menikmati nilai-nilai yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada mereka.

### **3.4.1.2 Keislaman yang Bersifat *Akmal* (Sempurna)**

Asep Supriadi (2011) telah menyatakan bahawa Islam itu sendiri mencakupi pelbagai aspek kehidupan dalam kalangan manusia. Hal ini dikatakan demikian kerana Islam mengajak umatnya untuk menerapkan nilai-nilai moral yang sudah pasti menuju ke arah kebaikan. Oleh hal yang demikian, sastera mampu dalam menyampaikan nilai-nilai tersebut kepada masyarakat melalui penghasilan karya-karya yang berunsurkan keagamaan. Karya yang baik mengandungi sifat-sifat mengenai Islam yang sempurna dan mampu untuk menarik masyarakat ke arah kebaikan melalui keimanan dan ketakwaan. Dalam mencapai matlamat tersebut, pengarang karya sastera harus menjadikan al-Quran dan Hadis sebagai panduan mereka kerana kedua-dua unsur tersebut mampu untuk mempraktikkan keislaman.

### **3.4.1.3 Pengkarya yang Seharusnya Mengistimalkan Diri (Menyempurnakan)**

Shafie Abu Bakar telah menggariskan prinsip ini yang membawa maksud kepada menyempurnakan diri seseorang itu melalui ilmu yang diperoleh dalam usaha untuk menghasilkan sebuah karya yang sempurna (Muhammad Syafiq Fakhri, 2019). Pengkarya yang dinyatakan oleh Shafie Abu Bakar ini adalah karya yang dihasilkan itu mengandungi unsur-unsur keagamaan melalui ilmu keislaman serta kesusasteraan yang terdapat pada seorang pengarang yang mengaplikasikannya dalam karya mereka. Oleh hal yang demikian, seseorang pengarang itu mesti mempunyai ilmu yang luas berkaitan dengan agama dan menggunakan ilmu tersebut dalam kehidupan sehariannya.



### 3.4.2 Kaedah Struktural

Struktural merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh para pengkritik mahupun pengkaji yang bertujuan untuk membantu para sarjana dalam menghasilkan sebuah kajian serta menganalisisnya dengan lebih teliti dan mengeluarkan hasil yang mendalam berkaitan sesebuah kajian (Mohd Sheffie Abu Bakar, 1991). Hal ini boleh dikatakan kaedah tersebut diwujudkan untuk menunjukkan hubung kait dalaman antara unsur-unsur yang terkandung dalam sesuatu objek. Dalam konteks ini, struktural melihat dan meneliti terhadap keseluruhan aspek yang terdapat dalam teks sastera iaitu plot, watak perwatakan dan sebagainya.

Menerusi novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, watak-watak yang terkandung dalam novel tersebut diteliti oleh pengkaji untuk mendapatkan objektif kajian yang pertama iaitu ideologi ketuhanan yang terdapat menerusi novel tersebut. Watak-watak tersebut adalah terdiri daripada Lahuma, Jeha dan anak-anaknya yang dikaji untuk melihat ideologi ketuhanan yang diselitkan oleh pengarang menerusi watak-watak tersebut. Selain itu, plot dan jalan cerita dalam novel tersebut juga dikaji oleh pengkaji untuk mendapatkan hasil daripada objektif kajian ini dijalankan.

### 3.5 Instrumen Kajian

Kajian ini merungkai teks *Ranjau Sepanjang Jalan* yang berkaitan dengan pemikiran, konsep dan ideologi ketuhanan yang ingin disampaikan secara tersurat mahupun tersirat oleh pengarang kepada khalayak. Melalui proses pengambilan data, pengkaji menggariskan beberapa objektif yang bersesuaian mengikut kajian yang hendak dikaji ini. Objektif pertama kajian ini adalah untuk mengenal pasti ideologi ketuhanan yang terkandung dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*. Objektif pertama ini dicapai melalui proses pembacaan dan pengamatan pengkaji terhadap novel kajian tersebut dan seterusnya pengkaji menilai ideologi ketuhanan tersebut untuk dijadikan sebagai analisis kajian ini. Objektif kedua kajian ini adalah mengaplikasikan teori Takmilah berdasarkan ideologi ketuhanan yang terdapat dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*. Pengkaji memilih tiga prinsip yang terkandung dalam teori tersebut untuk diterapkan dalam analisis kajian ini iaitu Prinsip Khalayak ke Arah Insan *Kamil* (sempurna), Keislaman yang Bersifat *Akmal* (sempurna) dan Pengkarya yang Seharusnya Mengistimakan Diri (menyempurnakan). Objektif terakhir bagi kajian ini adalah menganalisis kepentingan konsep ketuhanan yang terkandung dalam karya kesusasteraan tempatan. Melalui objektif ini, pengkaji mengenal pasti mengenai kepentingan ideologi ketuhanan yang terdapat dalam karya tempatan kepada masyarakat khususnya beragama Islam. Segala maklumat berkaitan kajian yang diperoleh diteliti dengan penuh terperinci terlebih dahulu sebelum dijadikan sebagai hasil dapatan kajian ini agar dapat menghasilkan sebuah kajian yang bermutu dan berkualiti.

### 3.6 Rumusan

Sebagai kesimpulan, bab tiga ini memperincikan mengenai kaedah kajian yang dijalankan dalam usaha untuk mendapatkan segala bentuk maklumat bagi digunakan sebagai analisis kajian ini. Metodologi kajian amat penting dalam menghasilkan sebuah kajian agar dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada pengkaji untuk menganalisis data kajian. Kaedah-kaedah kajian dijelaskan agar dapat menunjukkan dengan lebih terperinci mengenai proses sepanjang kajian ini berlangsung. Kaedah kajian ini seperti kaedah kualitatif dengan membaca dan menghayati teks *Ranjau Sepanjang Jalan* serta menerapkan teori Takmilah dalam kajian ini agar dapat melengkapkan serta menyempurnakan lagi kajian ini. Menerusi prinsip-prinsip teori Takmilah yang dipilih untuk melengkapkan kajian ini, pengkaji mampu untuk menghasilkan sebuah analisis data dengan baik. Oleh itu, pengkaji dapat simpulkan bahawa bab ini penting dan perlu diletakkan dalam sebuah penyelidikan dalam mengeluarkan sebuah hasil kajian yang bersistematik.

## BAB 4

### ANALISIS DAN PERBINCANGAN

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini akan menerangkan dengan lebih terperinci mengenai unsur dan ideologi ketuhanan yang terkandung dalam teks kajian ini iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan* seperti berpegang teguh terhadap agama, berserah diri kepada Tuhan (tawakal), berjuang dalam meneruskan kehidupan (jihad), serta kepercayaan kepada qada dan qadar. Teks yang dikaji ini diaplikasikan menggunakan teori Takmilah. Bab ini juga dikaji dengan berlandaskan kepada objektif kajian ini iaitu ideologi ketuhanan yang terkandung dalam novel kajian, ideologi tersebut dikaitkan dengan teori Takmilah dan kepentingan konsep ketuhanan yang terkandung dalam karya kesusasteraan Melayu.

#### 4.1 Ideologi Ketuhanan yang Terdapat dalam *Ranjau Sepanjang Jalan*

Setelah diteliti melalui novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, terdapat beberapa unsur dan ideologi ketuhanan yang terkandung dalam novel tersebut. Ideologi yang dinyatakan oleh pengarang melalui novel tersebut adalah seperti berpegang teguh terhadap agama yakni Islam, berserah diri kepada Tuhan (tawakal), berjuang dalam meneruskan kehidupan (jihad) dan kepercayaan kepada qada dan qadar.

#### 4.1.1 Berpegang Teguh Terhadap Agama

Setiap agama di dunia mengajar penganutnya agar sentiasa berpegang teguh kepada agama masing-masing terutamanya agama Islam. Agama merupakan satu sistem kepercayaan kepada masyarakat di dunia yang mempercayai adanya sifat-sifat serta kekuasaan Tuhan dan penganut setiap agama juga siap sedia akan menerima ajaran dan perintah-Nya, kepercayaan kepada yang Maha Kuasa (Kamus Dewan Edisi Keempat, 1996) . Menurut Muhammad Abdullah Darraz (1990), agama ialah satu kepercayaan terhadap wujudnya sesuatu perkara yang tidak kelihatan atau sesuatu benda yang paling tinggi yang mempunyai perasaan terhadap keinginan, kewibawaan dan kawalan terhadap sesuatu perkara yang penting kepada manusia. Secara ringkasnya, agama ialah satu kepercayaan kepada Tuhan suatu perkara yang melahirkan ketaatan dan keperibadian. Emile Durkheim (1995) juga mengatakan bahawa agama adalah sebuah sistem yang terbentuk daripada kepercayaan dan perkara yang berhubungan dengan hal suci. Hal ini kerana, kita sebagai umat yang beragama seharusnya mencuba sebaik mungkin untuk tetap berpegang teguh kepada ajaran agama agar tidak terlibat dalam perkara yang tidak baik.

Unsur berpegang teguh kepada agama ini terdapat dalam teks analisis pengkaji iaitu novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shanon Ahmad melalui petikan berikut:

Malam merangkak dari senja ke maghrib dan terus masuk waktu isyak. Lahuma sedang bertimpuh di atas tikar mengkuang sambil kedua-dua belah tangannya bercantum menadah langit. Jeha yang berada di belakang dalam keadaan serba putih bertimpuh dengan kemas sekali. Mukanya ditutup erat-erat dengan kedua-dua belah tapak tangan. Masing-masing bermohon kepada Allah Azzawajalla.

(Shanon Ahmad 1966: 12)

Petikan di atas menunjukkan bahawa Lahuma tetap berpegang teguh kepada ajaran agama walaupun sibuk mengusahakan padinya. Bukan itu sahaja, petikan berikut juga memperincikan bahawa Lahuma tidak pernah meninggalkan solat lima waktu sehari semalam. Beliau juga turut memastikan bahawa setiap ahli keluarganya sentiasa berpegang teguh kepada agama terutamanya isterinya Leha untuk turut menunaikan kewajipan sebagai umat Islam. Melalui konteks ini, sikap Lahuma ini juga menjadi contoh kepada orang di kampung sekaligus menyedarkan masyarakat kampung bahawa tiada penghalang dalam menunaikan kewajipan sebagai umat Islam.

Selain itu, terdapat contoh lain mengenai unsur berpegang teguh terhadap agama yang dinyatakan oleh pengarang iaitu:

Subuh ditunaikan oleh Lahuma laki bini. Pagi itu cukup sempurna. Tak ada bibit-bibit menandakan hujan akan mencurah. Matahari timbul dengan beraninya. Dan Lahuma menghadapi dunia pagi itu dengan sepenuh keberanian.

(Shahnon Ahmad, 1966: 23)

Petikan tersebut membuktikan bahawa Lahuma dan isterinya Jeha berpegang teguh dengan ajaran agama Islam yakni dengan mereka mengerjakan solat Subuh di pagi hari terlebih dahulu sebelum memulakan pekerjaannya. Hal ini menunjukkan bahawa terdapatnya ideologi ketuhanan berdasarkan petikan tersebut iaitu berpegang teguh dengan agama melalui watak Lahuma dan Jeha yang mengerjakan ibadah solat yang juga dituntut dalam agama Islam.

Petikan seterusnya yang mengandungi ideologi ketuhanan iaitu berpegang teguh terhadap agama seperti berikut:

Jeha sembahyang hajat malam itu. Dan dia tidak tahu hendak berbuat apa-apa lagi. '*Allah akan menolong aku,*' fikir Jeha. Akan menolong Lahuma juga. Lahuma tentu tahu tentang kerumitan yang dialaminya. Ketam datang lagi tanpa silu-silu. Jeha menadah tangan ke langit. Mulutnya terkumat-kamit malam itu tidak henti-henti. Dan kumat-kamit itu cuma satu tujuan sahaja: Minta Allah menyelamatkan padi mudanya daripada serangan ketam yang banyak itu.

(Shahnon Ahmad, 1966: 164)

Berdasarkan petikan tersebut, Jeha memohon bantuan daripada Allah SWT dengan melakukan solat hajat pada malam itu. Hal ini berikutan dengan bencana yang menimpanya iaitu serangan ketam terhadap tanaman padinya. Serangan tersebut boleh menyebabkan padinya itu musnah dan mereka akan berada dalam keadaan kelaparan sekiranya tidak dihalang terlebih dahulu. Oleh kerana pegangan agama Jeha yang kuat, beliau tetap sabar dan memohon bantuan daripada Allah SWT.

Seterusnya, petikan yang menceritakan mengenai konsep berpegang teguh terhadap ajaran agama iaitu:

Kadang-kadang Sanah mahu menahan jebak batang bertam sahaja, tetapi apabila teringat kepada jumlah tiak yang kadang-kadang tersangat tak munasabah itu, dia tidak memikirkan apa-apa lagi. Tahun depan dia akan bertemu lagi dengan tiak-tiak itu. Dan dia akan bersenjatakan doa sahaja kepada Allah Azzawajalla.

(Shahnon Ahmad, 1966: 259)

Petikan di atas mengisahkan mengenai Sanah yang hampir kehilangan semangat dan berputus asa dalam meneruskan kehidupannya yang penuh dengan rintangan. Beliau berfikir bahawa cabaran yang dihadapi olehnya pada tahun tersebut akan terpaksa dihadapinya pada tahun hadapan serta tahun-tahun berikutnya. Namun dengan kepercayaannya terhadap agama yang begitu kukuh, beliau mempunyai semangat dan dorongan untuk menghadapinya serta berdoa kepada Allah Azzawajalla untuk membantunya. Melalui petikan tersebut, dapat digambarkan bahawa kepercayaan dan pegangan terhadap agama itu penting dalam meneruskan kehidupan seharian.

Oleh itu, pengkaji dalam menyimpulkan bahawa novel *Ranjau Sepanjang Jalan* ini mengandungi unsur keislaman iaitu berpegang teguh kepada ajaran agama menerusi watak Lahuma yang tidak pernah meninggalkan kewajipan sebagai umat Islam. Maka jelaslah, bahawa pengarang novel ini ingin memastikan pembaca agar sentiasa berpegang teguh kepada ajaran agama Islam.



#### 4.1.2 Berserah Diri Kepada Tuhan (Tawakal)

Perkataan tawakal merupakan suatu kata yang berasal dari bahasa Arab. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (1996), perkataan tawakal dimaksudkan sebagai berserah serta memberikan kepercayaan yang penuh terhadap Tuhan. Ini turut ditambahkan dengan pandangan ulama yang berpegang kepada agama Islam. Menurut Mohd Hasrul (2014) dalam kajiannya menyatakan bahawa Imam Al-Ghazali berpendapat iaitu perkataan ini mempunyai makna penyandaran diri kepada Allah SWT yang merupakan satu-satunya tempat untuk bersandar dalam setiap rintangan yang dihadapi. Turut ditambahkan dengan pandangan Suriani Sudi (2019) yang mengatakan tawakal merupakan perbuatan yang dilaksanakan dengan hati dan bukannya secara lisan.

Tidak dapat dinafikan bahawa tawakal terbahagi kepada dua jenis iaitu tawakal kepada Allah SWT semata-mata dan juga tawakal kepada selain Allah. Secara ringkasnya, tawakal terbahagi kepada dua iaitu terhadap Allah dan terhadap harta benda. Memiliki sifat tawakal ini dalam diri seseorang, dia tentu dapat mengharungi dan mudah adaptasi dengan sebarang masalah tidak peduli besar ataupun kecil. Pada masa yang sama, sudah tentu dia tidak akan mudah merasa putus asa apabila mengamalkan sifat tawakal ini.

Petikan dibawah menggambarkan unsur Islam tawakal dalam novel *Ranjau*

*Sepanjang Jalan* iaitu tawakal terhadap Allah SWT:

Jeha tidak juga dapat meyakinkan fikirannya. Tapi apabila fikirannya tertumpu kepada Allah Azzawajalla, maka Jeha hanya menerima sahaja. Dia tahu tentang hidupnya selama ini. Hidupnya di tangan Tuhan. Hidup anak-anaknya pun di tangan Tuhan. Hidup semainya, hidup padinya, kesuburan padinya di sawah, kemarau, banjir, ketam, ular, burung tiak semuanya berada dalam tangan Tuhan. Dan dengan fikiran itulah Jeha melapangkan sedikit dadanya.

(Shahnon Ahmad 1966: 128)

Melalui petikan ini, satu lagi unsur Islam iaitu tawakal terhadap Allah telah diberikan dengan menggambarkan watak Jeha. Situasi ini menggambarkan watak Jeha sebagai watak yang berserah sepenuhnya kepada Allah. Hal ini dikatakan demikian kerana dia mengaku semuanya merupakan suatu yang hasil daripada kurniaan Allah. Melalui bertawakal sepenuhnya kepada Allah SWT, watak Jeha ini dapat mengharungi apa-apa masalah yang diharungi olehnya. Dia juga turut berani dalam memperjuangkan masalah yang dihadapi olehnya. Apabila diteliti menerusi teori takmilah, ketuhanan ditunjukkan sebagai yang sempurna ataupun lebih ringkas dapat dikatakan sebagai *Kamal*. Hal ini kerana Allah SWT yang mencipta semua kehidupan serta benda di alam ini. Melalui watak Jeha, pengkarya memberikan gambaran bahawa ketuhanan merupakan suatu yang sempurna (*kamal*).

Terdapat juga petikan melalui novel tersebut di mana pengarang menyatakan mengenai berserah diri kepada Allah SWT seperti berikut:

Sanah menghadapi dunia yang entah berapa luas ini dengan tekad dan semangat bapanya. Segala-galanya diserahkan kepada Allah Azzawajalla sahaja. Dia teringat kepada rumput-rumput bulu landak dalam petak. Kepalanya diserang dengan bisa onak nibung yang membunuh bapanya. Kaki dan seluruh badan Lahuma menjadi busung dan bernanah, berlendir, berdarah dan sering menerbitkan air kekuningan-kuningan dari lubang punggung, hidung, kemaluan, telinga dan bulu-bulu roma.

(Shahnon Ahmad, 1966: 260)

Petikan tersebut menggambarkan mengenai anak sulung kepada Jeha iaitu Sanah yang berserahkan dirinya terhadap Allah SWT setelah pelbagai dugaan yang terpaksa dihadapi oleh Sanah serta adik-adiknya. Dugaannya bermula ketika Lahuma iaitu bapanya terpijak duri nibung ketika sedang mengerjakan sawahnya. Akibat daripada insiden tersebut, Lahuma meninggal dunia setelah menderita kesakitan daripada bisa duri tersebut. Setelah itu, pelbagai lagi dugaan yang dihadapi oleh mereka sekeluarga sehingga Jeha mengalami gangguan mental. Namun, segala kesusahan, keperitan dan kesengsaraan hidup yang menimpa diri dan keluarganya dihadapi oleh Sanah dengan penuh kesabaran kerana beliau yang memegang kepada konsep berserah diri kepada Allah SWT (tawakal).

Petikan lain mengenai tawakal yang telah dimasukkan oleh pengarang ke dalam novel tersebut adalah seperti berikut:

Dan ketujuh-tujuh anak betina itu pun Lahuma dan Jeha cukup percaya bahawa mereka akan mempunyai pegangan yang sama. Mati hidup dan susah senang dipegang oleh Tuhan. Dipegang oleh Allah Azzawajalla.

(Shahnon Ahmad, 1966: 2)

Petikan di atas mengisahkan mengenai Lahuma yang mempercayai bahawa kehidupannya ditentukan oleh Allah SWT dan anak-anaknya juga merupakan kurniaan dan pemberian oleh Tuhan terhadap dirinya. Beliau juga percaya bahawa pegangannya itu akan dirasai dan menjadi contoh kepada anak-anaknya kelak. Oleh itu, Lahuma hanya berusaha dalam meneruskan kehidupan untuk menyara keluarganya dan seterusnya berserah dirinya kepada Pencipta.

Oleh itu, pengkaji dapat menyimpulkan unsur Islam iaitu tawakal terhadap Allah ini harus dimiliki dalam tiap-tiap insan sepertimana yang digambarkan melalui watak Jeha ini. Dengan bertawakal sepenuhnya terhadap Tuhan, dapat kita menjauhi pemikiran buruk dan juga meningkatkan keberanian dalam diri. Kita juga harus mengingat bahawa tiada satu yang lebih sempurna daripada Allah SWT.

MALAYSIA

KELANTAN

### 4.1.3 Berjuang Dalam Meneruskan Kehidupan (Jihad)

Istilah Jihad ialah segala usaha dan kesungguhan sama ada dalam bentuk perkataan ataupun perbuatan dengan niat yang ikhlas serta perjuangan dan pengorbanan untuk menegakkan kalimah Allah SWT. Khairunnas Rajab (2010) mengatakan bahawa jihad pada uruf syarak digunakan pada menyerah sepenuh kemampuan untuk berjuang pada jalan Allah SWT dengan nyawa, harta, lisan dan seumpamanya. Selain itu, Mustafar Abdullah (2010) turut mentakrifkan bahawa jihad dengan perang secara khusus. Ini bermakna, terdapat dua takrifan mengenai jihad iaitu jihad am dan jihad khas. Secara am ia meliputi pelbagai jenis jihad sama ada dengan harta, lisan, tenaga dan nyawa manakala secara khas ia bermaksud memerangi musuh.

Kajian ini mengetengahkan tentang jihad ataupun perjuangan umat Islam dalam kehidupan seharian. Dalam konteks Islam, salah satu amalan jihad adalah memperjuangkan kehidupan seharian walaupun menghadapi pelbagai rintangan. Hal ini kerana, untuk menggalakkan masyarakat supaya tidak mudah berputus asa dalam meneruskan kehidupan seperti ajaran Allah SWT. Dalam kehidupan seharian kita mestilah tidak mudah untuk mengalah dan sentiasa tabah dalam menghadapi segala ujian dan rintangan seperti para nabi sentiasa berjihad untuk menegakkan agama Islam.

Berdasarkan Novel *Ranjau Sepanjang Jalan*, hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan tersebut:

Dan dengan tempikan itu Lahuma menyerbu macam angin hala kepada ular yang melenggok-lenggok kepalanya itu. Ular itu mematuk dengan deras tapi hanya udara yang menjadi sasarannya. Lahuma dengan pantas mencekik leher ular itu sesungguhnya-sungguh hatinya. Ekor dan badan ular itu membelit-belit tangannya.

(Shahnon Ahmad 1966: 34)

Petikan di atas menunjukkan bahawa Lahuma tidak berputus asa dalam berjuang untuk meneruskan kehidupan. Hal ini dikatakan demikian kerana beliau tidak berputus asa dengan mencekik ular tersebut menggunakan tangannya sendiri sehingga beliau dibelit oleh badan dan ekor ular itu. Hal ini menunjukkan pengarang telah mengaitkan dengan unsur Islam dengan tidak mudah berputus asanya seseorang itu seperti semangat kehidupan yang sangat tinggi dalam diri para Nabi kita dahulu.

Terdapat beberapa petikan yang terdapat pada novel tersebut yang menceritakan mengenai berjuang dalam meneruskan kehidupan seperti berikut:

Seorang tua lain cuba membuat air jampi dengan beras kunyit dan kemenyan tapi duri itu masih juga tersumbat di dalam. Kadang-kadang Lahuma naik geram sendirian lalu memicit kakinya sekuat tenaga sampai menjerit-jerit kesakitan tapi yang keluar bukan juga duri. Cuma darah mengalir membuak-buak.

(Shahnon Ahmad, 1966: 80)

Jeha kemudian mencuba pula dengan besi panas. Lahuma meraung macam masuk hantu apabila kakinya tersentuh besi waja yang merah menyala itu tapi duri nibung berdegil juga.

(Shahnon Ahmad, 1966: 80)

Dia berjalan ke dapur. Air dalam cerek dituang ke dalam geluk. Dan dengan kain basahan dia menghampiri tempat lakinya terbaring. Lahuma mengerang juga. Dia mengerang lanjut-lanjut apabila duri itu semakin lama semakin kuat mengetatkan daging kakinya.

(Shahnon Ahmad, 1966: 80-81)

Petikan-petikan yang dinyatakan di atas menggambarkan mengenai Lahuma yang ditimpa malapetaka apabila kakinya terpijak duri nibung menyebabkan beliau cedera parah ketika sedang mengerjakan sawahnya. Oleh itu, orang kampung serta Jeha melakukan pelbagai kaedah untuk menyelamatkan Lahuma seperti membuat air jampi, menggunakan besi panas dan mengeluarkan duri nibung dengan menggunakan kain basahan. Namun semua usaha yang dilakukan itu sia-sia dan tidak membuahkan hasil. Melalui konteks ini, konsep berjuang untuk meneruskan kehidupan dari aspek Islam dapat dilihat dengan watak Lahuma yang bekerja keras untuk menyempurnakan amanah Allah SWT iaitu menjaga anak-anak serta isterinya sehingga dirinya cedera. Selain itu juga, watak orang tua dan Jeha yang tidak putus harapan untuk menyembuhkan Lahuma dapat dikatakan sebagai langkah dalam berjuang untuk meneruskan kehidupan (jihad).

Selain itu, terdapat juga contoh lain mengenai berjuang untuk meneruskan kehidupan melalui novel tersebut iaitu:

Namun begitu, Sanah terpaksa juga menggunakan suara-suara halus yang tercetus dari lengkung dan leher yang halus-halus juga. Suara Milah boleh mengejutkan sekurang-kurangnya sekawan tiak. Jeritan Jenab dan Semek akan menakutkan juga lima enam ekor tiak. Dan jeritan Liah, Lebar dan Kiah sekurang-kurangnya menyedarkan tiak bahawa ada manusia dalam sawah seluas empat belas relung itu.

(Shahnon Ahmad, 1966: 245)

Melalui petikan tersebut, watak anak-anak kepada Jeha iaitu Sanah, Milah, Jenab, Semek, Liah, Lebar dan Kiah bertungkus lumus dalam menjaga padinya. Padi yang sudah tumbuh akan menarik perhatian binatang seperti burung tiak yang akan memakannya. Hal ini menyukarkan mereka kerana burung-burung tersebut dikhuatiri akan memusnahkan tanaman mereka. Oleh itu, mereka anak beranak menggunakan segala kudrat yang mereka ada untuk menjaga tanaman tersebut.

Jelaslah bahawa unsur keislaman iaitu jihad dalam kehidupan ini terkandung dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*. Penulis telah memasukkan unsur ini agar pembaca lebih bersemangat dalam kehidupan agar tidak mudah berputus asa dan sentiasa mempercayai bahawa kehidupan ini sudah semestinya mempunyai jalan penyelesaian hidup.

#### **4.1.4 Kepercayaan Kepada Qada dan Qadar**

Qada dan qadar merupakan salah satu daripada rukun iman yang wajib dipatuhi oleh manusia yang beragama Islam. Hafiz Firdaus Abdullah (2011), telah menakrifkan pengertian qada dan qadar iaitu qadar membawa maksud kepada kehendak, ilmu, penulisan serta segala penciptaan yang dicipta oleh Allah SWT yang telah berlaku sejak azali lagi. Qada pula bermaksud segala pelaksanaan qadar tersebut. Hal ini turut disebut dalam kitab al-Quran surah *al-Qamar* ayat 49 mengenai qadar iaitu “Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut qadar (yang telah ditentukan)”. Allah juga berfirman mengenai qadha ini dalam surah *Maryam* ayat 21 yang bermaksud “Dan hal itu adalah satu perkara yang telah ditetapkan berlakunya”.



Dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad terdapat juga unsur Islam mengenai kepercayaan terhadap qada dan qadar. Pengarang novel ini telah memasukkan unsur Islam tersebut ke dalam karyanya agar menggalakkan pembaca untuk sentiasa percaya terhadap segala ketentuan yang telah ditentukan oleh Allah SWT terhadap hambaNya yang beriman. Menerusi dalam novel tersebut, hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

Dan Jeha dan anak-pinaknya percaya sesungguhnya bahawa Lahuma tidak akan datang lagi melihat mereka menanam. Tetapi Jeha masih juga mengatakan bahawa lakinya cuma Lahuma.

(Shahnnon Ahmad 1966: 140)

Petikan di atas menunjukkan bahawa isteri kepada Lahuma iaitu Jeha menerima segala qada dan qadar serta ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT terhadap dirinya. Walaupun beliau kehilangan suaminya, namun beliau tetap sabar dan menempuh cabarannya dalam meneruskan kehidupan untuk membesarkan kesemua tujuh orang anak perempuannya itu. Hal ini menunjukkan bahawa pengarang telah memasukkan unsur keislaman dalam karyanya iaitu kepercayaan terhadap qada dan qadar. Hal ini dikatakan demikian kerana Allah SWT bersifat maha sempurna dalam menetapkan ketentuan terhadap para hambaNya. Walaupun pelbagai cabaran, rintangan serta ujian yang dihadapi, seseorang itu haruslah bersikap sabar dan sentiasa percaya terhadap qada dan qadar yang ditetapkan.

Terdapat juga petikan lain yang mengetengahkan mengenai qada dan qadar dalam novel seperti berikut:

Tuhan tidak dimaki-maki oleh mereka. Penerimaan bala yang sering berlaku itu telah menjadi biasa kepada mereka. Hidup ini telah begitu keadaannya. Tidak pernah merasai nikmat yang sebenar-benar nikmat. Dan mereka terima malapetaka ketam, tiak itu dengan tekad dan semangat yang baru. Tahun depan akan menanam padi kalau nyawa masih disambung oleh Allah Azzawajalla.

(Shahnon Ahmad, 1966: 256)

Petikan di atas mengisahkan mengenai Jeha sekeluarga tidak pernah menyalahkan takdir yang menimpa mereka walaupun takdir tersebut amat berat untuk ditempuhi. Mereka memberikan kepercayaan mereka sepenuhnya terhadap qada dan qadar yang telah ditetapkan oleh Allah SWT sejak azali lagi. Walaupun begitu, mereka tetap meletakkan harapan mereka kepada Allah SWT dalam usaha mereka untuk meneruskan kehidupan ini. Hal ini dapat dijadikan teladan kepada masyarakat bahawa setiap manusia terutamanya yang beragama Islam haruslah meletakkan kepercayaan sepenuhnya kepada tuhan dalam pelbagai aspek kehidupan.

Selain itu, terdapat juga petikan lain yang dapat dikaitkan dengan kepercayaan kepada qada dan qadar iaitu:

Sanah dan adik-adik tidak dapat melupakan segala bencana tahun itu. Tetapi ingatan itu tidak pernah mengecutkan hati mereka. Hidup mereka semenjak Lahuma dulu pun tidak berubah apa-apa bagaikan disedarinya bahawa kaum tani seperti mereka memang telah diwajibkan menempuh berbagai-bagai penderitaan.

(Shahnon Ahmad, 1966: 258)

Petikan tersebut menceritakan mengenai watak Sanah yang teringat kembali mengenai peristiwa hitam yang menimpa nasib diri dan keluarganya pada tahun itu. Setelah kematian bapanya Lahuma, Sanah terpaksa mengambil alih tugas bapanya iaitu mengerjakan sawah padi yang mempunyai pelbagai cabaran dan rintangan. Walaupun begitu, Sanah percaya terhadap ketentuan Ilahi iaitu nasib seorang petani yang telah tertulis sejak azali yakni terpaksa menghadapi cabaran dan rintangan yang menguji jiwa dan kesabarannya. Namun, Sanah tidak mudah melatah terhadap nasib yang menimpa dirinya dan mempercayai bahawa nasibnya itu telah ditetapkan oleh Allah SWT.

Oleh itu, hal ini dapat dibuktikan bahawa pengarang novel *Ranjau Sepanjang Jalan* telah memasukkan unsur keislaman dalam karyanya iaitu kepercayaan kepada qada dan qadar yang dapat dilihat dalam watak Jeha. Walaupun beliau diuji dengan cabaran yang hebat iaitu kematian suaminya, Jeha tetap tabah dan menerima takdir yang telah ditetapkan terhadap dirinya. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pengarang telah menerapkan kepercayaan kepada qada dan qadar dalam karyanya supaya dapat dijadikan sebagai pedoman terhadap pembaca.

#### **4.2 Mengaplikasikan Teori Takmilah Berdasarkan Ideologi Ketuhanan yang Terdapat dalam Novel *Ranjau Sepanjang Jalan***

Melalui teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar, beliau telah menggariskan beberapa prinsip yang terdapat dalam teori tersebut yang boleh dijadikan sebagai panduan untuk mengkaji dan mengkritik sesebuah karya. Pengkaji telah memilih beberapa prinsip yang terdapat dalam teori tersebut untuk dijadikan sebagai analisis segala data yang diperoleh. Prinsip-prinsip tersebut adalah seperti Prinsip Khalayak ke Arah Insan *Kamil* (sempurna), Keislaman yang Bersifat *Akmal* (sempurna) dan Pengkarya yang Seharusnya Mengistimalkan Diri (menyempurnakan). Prinsip tersebut digunakan bagi mengukuhkan lagi hasil dapatan analisis dan untuk mencapai objektif kajian kedua seperti yang telah dinyatakan.

#### 4.2.1 Khalayak ke Arah Insan *Kamil* (Sempurna)

Berdasarkan kepada prinsip tersebut, Shafie Abu Bakar ingin mengajak masyarakat khususnya yang beragama Islam untuk ke arah Insan *Kamil*. Perkataan *Kamil* yang dinyatakan dalam prinsip ini merupakan sempurna yang membawa maksud kepada nilai ketakwaan kepada Allah SWT yang tidak dapat disangkal lagi (Mustafa Abdullah, 2010). Hal ini juga bermaksud nilai keimanan seseorang itu dapat ditingkatkan melalui prinsip ini. Melalui konteks ini, prinsip tersebut menyeru kepada khalayak untuk menyempurnakan tahap keimanan mereka melalui karya kesusasteraan. Hal ini juga dapat ditunjukkan melalui novel *Ranjau Sepanjang Jalan* iaitu pengarang telah memasukkan beberapa elemen dan unsur ketuhanan yang boleh mengajak para pembaca ke arah insan *Kamil*.

Ideologi ketuhanan yang terdapat dalam novel tersebut adalah berpegang teguh terhadap agama. Berdasarkan kepada prinsip Khalayak ke Arah Insan *Kamil* (sempurna), pengarang menyeru kepada masyarakat iaitu masyarakat beragama Islam hendaklah mempunyai pegangan yang kuat terhadap ajaran agama melalui karya tersebut. Pengarang menyatakan beberapa babak yang mengajak kepada masyarakat untuk berbuat demikian seperti Lahuma tetap mengerjakan ibadah solat lima waktu walaupun beliau sibuk dalam urusan seharian iaitu mengerjakan sawah padi miliknya.

Unsur berpegang teguh kepada agama ini terdapat dalam teks analisis pengkaji iaitu novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad melalui petikan berikut:

Malam merangkak dari senja ke maghrib dan terus masuk waktu isyak. Lahuma sedang bertimpuh di atas tikar mengkuang sambil kedua-dua belah tangannya bercantum menadah langit. Jeha yang berada di belakang dalam keadaan serba putih bertimpuh dengan kemas sekali. Mukanya ditutup erat-erat dengan kedua-dua belah tapak tangan. Masing-masing bermohon kepada Allah Azzawajalla.

(Shahnnon Ahmad 1966: 12)

Petikan di atas menunjukkan bahawa Lahuma tetap berpegang teguh kepada ajaran agama walaupun sibuk mengusahakan padinya. Bukan itu sahaja, petikan berikut juga memperincikan bahawa Lahuma tidak pernah meninggalkan solat lima waktu sehari semalam. Beliau juga turut memastikan bahawa setiap ahli keluarganya sentiasa berpegang teguh kepada agama terutamanya isterinya Leha untuk turut menunaikan kewajipan sebagai umat Islam. Melalui konteks ini, sikap Lahuma ini juga menjadi contoh kepada orang di kampung sekaligus menyedarkan masyarakat kampung bahawa tiada penghalang dalam menunaikan kewajipan sebagai umat Islam.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

Selain itu, terdapat contoh lain mengenai unsur berpegang teguh terhadap agama yang dinyatakan oleh pengarang iaitu:

Subuh ditunaikan oleh Lahuma laki bini. Pagi itu cukup sempurna. Tak ada bibit-bibit menandakan hujan akan mencurah. Matahari timbul dengan beraninya. Dan Lahuma menghadapi dunia pagi itu dengan sepenuh keberanian.

(Shahnon Ahmad, 1966: 23)

Petikan tersebut membuktikan bahawa Lahuma dan isterinya Jeha berpegang teguh dengan ajaran agama Islam yakni dengan mereka mengerjakan solat Subuh di pagi hari terlebih dahulu sebelum memulakan pekerjaannya. Hal ini menunjukkan bahawa terdapatnya ideologi ketuhanan berdasarkan petikan tersebut iaitu berpegang teguh dengan agama melalui watak Lahuma dan Jeha yang mengerjakan ibadah solat yang juga dituntut dalam agama Islam.

Petikan seterusnya yang mengandungi ideologi ketuhanan iaitu berpegang teguh terhadap agama seperti berikut:

Jeha sembahyang hajat malam itu. Dan dia tidak tahu hendak berbuat apa-apa lagi. '*Allah akan menolong aku,*' fikir Jeha. Akan menolong Lahuma juga. Lahuma tentu tahu tentang kerumitan yang dialaminya. Ketam datang lagi tanpa silu-silu. Jeha menadah tangan ke langit. Mulutnya terkumat-kamit malam itu tidak henti-henti. Dan kumat-kamit itu cuma satu tujuan sahaja: Minta Allah menyelamatkan padi mudanya daripada serangan ketam yang banyak itu.

(Shahnon Ahmad, 1966: 164)

Berdasarkan petikan tersebut, Jeha memohon bantuan daripada Allah SWT dengan melakukan solat hajat pada malam itu. Hal ini berikutan dengan bencana yang menimpanya iaitu serangan ketam terhadap tanaman padinya. Serangan tersebut boleh menyebabkan padinya itu musnah dan mereka akan berada dalam keadaan kelaparan sekiranya tidak dihalang terlebih dahulu. Oleh kerana pegangan agama Jeha yang kuat, beliau tetap sabar dan memohon bantuan daripada Allah SWT dengan melakukan solat hajat tersebut.

Seterusnya, petikan yang menceritakan mengenai konsep berpegang teguh terhadap ajaran agama iaitu:

Kadang-kadang Sanah mahu menahan jebak batang bertam sahaja, tetapi apabila teringat kepada jumlah tiak yang kadang-kadang tersangat tak munasabah itu, dia tidak memikirkan apa-apa lagi. Tahun depan dia akan bertemu lagi dengan tiak-tiak itu. Dan dia akan bersenjatakan doa sahaja kepada Allah Azzawajalla.

(Shahnon Ahmad, 1966: 259)

Petikan di atas mengisahkan mengenai Sanah yang hampir kehilangan semangat dan berputus asa dalam meneruskan kehidupannya yang penuh dengan rintangan. Beliau berfikir bahawa cabaran yang dihadapi olehnya pada tahun tersebut akan terpaksa dihadapinya pada tahun hadapan serta tahun-tahun berikutnya. Namun dengan kepercayaannya terhadap agama yang begitu kukuh, beliau mempunyai semangat dan dorongan untuk menghadapinya serta berdoa kepada Allah Azzawajalla untuk membantunya. Melalui petikan tersebut, dapat digambarkan bahawa kepercayaan dan pegangan terhadap agama itu penting dalam meneruskan kehidupan seharian.



#### 4.2.2 Keislaman yang Bersifat Akmal (Sempurna)

Prinsip seterusnya adalah Keislaman yang Bersifat Akmal (sempurna) iaitu prinsip yang menekankan bahawa agama Islam itu merupakan sebuah ajaran yang sempurna dan mampu untuk menyempurnakan masyarakat dalam pelbagai aspek kehidupan (Rosnani Ripin, 2020). Melalui konteks ini, pengarang menghasilkan sebuah karya yang membawa kepada unsur keislaman yang mampu dijadikan sebagai contoh dan panduan kepada pembaca mengenai hal ehwal keagamaan. Hal ini seperti yang terdapat dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* yang menunjukkan contoh bahawa ajaran Islam itu adalah sempurna.

Perkara ini dapat dilihat menerusi babak yang menunjukkan ideologi ketuhanan dalam novel tersebut iaitu kepercayaan kepada qada dan qadar. Terdapat babak yang menunjukkan ideologi tersebut iaitu watak Jeha yang menerima segala takdir yang menimpa terhadap dirinya. Hal ini bermula selepas daripada kematian suaminya Lahuma yang memaksa dirinya untuk bekerja dengan lebih keras tanpa bantuan daripada seseorang. Segala cabaran dan rintangan dalam menjaga sawah padi terpaksa dihadapi oleh Jeha dan anak-anaknya. Akibat daripada itu, Jeha pada akhirnya hilang kewarasan yang mengakibatkan orang kampung menghantarnya ke Tanjung Rambutan untuk merawat penyakitnya. Hal ini menyatakan bahawa Jeha menerima qada dan qadar yang tertulis untuk diri dan keluarganya serta mengharunginya dengan tabah. Hal ini dapat ditunjukkan melalui petikan tersebut:

Dan Jeha dan anak-pinaknya percaya sesungguhnya bahawa Lahuma tidak akan datang lagi melihat mereka menanam. Tetapi Jeha masih juga mengatakan bahawa lakinya cuma Lahuma.

(Shahnon Ahmad 1966: 140)

Petikan di atas menunjukkan bahawa isteri kepada Lahuma iaitu Jeha menerima segala qada dan qadar serta ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT terhadap dirinya. Walaupun beliau kehilangan suaminya, namun beliau tetap sabar dan menempuh cabarannya dalam meneruskan kehidupan untuk membesarkan kesemua tujuh orang anak perempuannya itu. Hal ini menunjukkan bahawa pengarang telah memasukkan unsur keislaman dalam karyanya iaitu kepercayaan terhadap qada dan qadar. Hal ini dikatakan demikian kerana Allah SWT bersifat maha sempurna dalam menetapkan ketentuan terhadap para hambaNya. Walaupun pelbagai cabaran, rintangan serta ujian yang dihadapi, seseorang itu haruslah bersikap sabar dan sentiasa percaya terhadap qada dan qadar yang ditetapkan.

Terdapat juga petikan lain yang mengetengahkan mengenai qada dan qadar dalam novel seperti berikut:

Tuhan tidak dimaki-maki oleh mereka. Penerimaan bala yang sering berlaku itu telah menjadi biasa kepada mereka. Hidup ini telah begitu keadaannya. Tidak pernah merasai nikmat yang sebenar-benar nikmat. Dan mereka terima malapetaka ketam, tiak itu dengan tekad dan semangat yang baru. Tahun depan akan menanam padi kalau nyawa masih disambung oleh Allah Azzawajalla.

(Shahnon Ahmad, 1966: 256)

Petikan di atas mengisahkan mengenai Jeha sekeluarga tidak pernah menyalahkan takdir yang menimpa mereka walaupun takdir tersebut amat berat untuk ditempuhi. Mereka memberikan kepercayaan mereka sepenuhnya terhadap qada dan qadar yang telah ditetapkan oleh Allah SWT sejak azali lagi. Walaupun begitu, mereka tetap meletakkan harapan mereka kepada Allah SWT dalam usaha mereka untuk meneruskan kehidupan ini. Hal ini dapat dijadikan teladan kepada masyarakat bahawa setiap manusia terutamanya yang beragama Islam haruslah meletakkan kepercayaan sepenuhnya kepada tuhan dalam pelbagai aspek kehidupan.

Selain itu, terdapat juga petikan lain yang dapat dikaitkan dengan kepercayaan kepada qada dan qadar iaitu:

Sanah dan adik-adik tidak dapat melupakan segala bencana tahun itu. Tetapi ingatan itu tidak pernah mengecutkan hati mereka. Hidup mereka semenjak Lahuma dulu pun tidak berubah apa-apa bagaikan disedarinya bahawa kaum tani seperti mereka memang telah diwajibkan menempuh berbagai-bagai penderitaan.

(Shahnon Ahmad, 1966: 258)

Petikan tersebut menceritakan mengenai watak Sanah yang teringat kembali mengenai peristiwa hitam yang menimpa nasib diri dan keluarganya pada tahun itu. Setelah kematian bapanya Lahuma, Sanah terpaksa mengambil alih tugas bapanya iaitu mengerjakan sawah padi yang mempunyai pelbagai cabaran dan rintangan. Walaupun begitu, Sanah percaya terhadap ketentuan Ilahi iaitu nasib seorang petani yang telah tertulis sejak azali yakni terpaksa menghadapi cabaran dan rintangan yang menguji jiwa dan kesabarannya. Namun, Sanah tidak mudah melatah terhadap nasib

yang menimpa dirinya dan mempercayai bahawa nasibnya itu telah ditetapkan oleh Allah SWT.

#### **4.2.3 Pengkarya yang Seharusnya Mengistimalkan Diri (Menyempurnakan)**

Prinsip yang digariskan oleh Shafie Abu Bakar ini adalah merujuk kepada seseorang pengarang itu mempunyai ilmu keagamaan yang tinggi dan mengaplikasikan ilmu tersebut ke dalam karya mereka. Melalui kaedah ini, pengarang memasukkan unsur-unsur keagamaan yang dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka menerusi karyanya. Hal ini dikatakan demikian supaya karya yang terhasil dalam bentuk yang sempurna dan mampu untuk menyempurnakan akidah dan pegangan agama dalam kalangan pembaca. Melalui konteks ini, pengarang novel *Ranjau Sepanjang Jalan* iaitu Shahnnon Ahmad merupakan salah seorang sasterawan yang menerapkan unsur-unsur keagamaan dalam karyanya. Beliau juga turut menghasilkan beberapa kajian dan artikel yang mengetengahkan konsep Islam dalam kesusasteraan (Adli Yaacob, 2017). Hal ini termasuk dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* yang mengandungi elemen ketuhanan menerusi watak-watak dan jalan cerita yang dihasilkan oleh beliau.

Melalui novel tersebut, terdapatnya ideologi ketuhanan iaitu berserah diri kepada Tuhan yang terdapat pada watak Jeha dan Sanah. Kedua-dua ibu dan anak itu bersifat tawakal dan menerima takdir yang menimpa diri mereka. Segala keperitan dan kesusahan dalam mengusahakan sawah padi dihadapi oleh mereka dengan memegang kepada semangat ‘mati hidup dan susah senang dipegang oleh Allah Azzawajalla’. Menurut Nur Nafishah Azmi (2012), Shahnnon Ahmad menghasilkan novel tersebut dengan berdasarkan kepada pengalaman hidup beliau ketika kecil. Hal

ini dikatakan beliau menetap di sebuah kampung yang penduduknya hanya mengusahakan sawah padi untuk meneruskan kehidupan. Berdasarkan kepada pengalaman dan ilmu agamanya, beliau berjaya dalam menghasilkan novel tersebut.

Petikan dibawah menggambarkan unsur Islam tawakal dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* iaitu tawakal terhadap Allah SWT:

Jeha tidak juga dapat meyakinkan fikirannya. Tapi apabila fikirannya tertumpu kepada Allah Azzawajalla, maka Jeha hanya menerima sahaja. Dia tahu tentang hidupnya selama ini. Hidupnya di tangan Tuhan. Hidup anak-anaknya pun di tangan Tuhan. Hidup semainya, hidup padinya, kesuburan padinya di sawah, kemarau, banjir, ketam, ular, burung tiak semuanya berada dalam tangan Tuhan. Dan dengan fikiran itulah Jeha melapangkan sedikit dadanya.

(Shahnon Ahmad 1966: 128)

Melalui petikan ini, satu lagi unsur Islam iaitu tawakal terhadap Allah telah diberikan dengan menggambarkan watak Jeha. Situasi ini menggambarkan watak Jeha sebagai watak yang berserah sepenuhnya kepada Allah. Hal ini dikatakan demikian kerana dia mengaku semuanya merupakan suatu yang hasil daripada kurniaan Allah. Melalui bertawakal sepenuhnya kepada Allah SWT, watak Jeha ini dapat mengharungi apa-apa masalah yang diharungi olehnya. Dia juga turut berani dalam memperjuangkan masalah yang dihadapi olehnya.

Terdapat juga petikan melalui novel tersebut di mana pengarang menyatakan mengenai berserah diri kepada Allah SWT seperti berikut:

Sanah menghadapi dunia yang entah berapa luas ini dengan tekad dan semangat bapanya. Segala-galanya diserahkan kepada Allah Azzawajalla sahaja. Dia teringat kepada rumput-rumput bulu landak dalam petak. Kepalanya diserang dengan bisa onak nibung yang membunuh bapanya. Kaki dan seluruh badan Lahuma menjadi busung dan bernanah, berlendir, berdarah dan sering menerbitkan air kekuningan-kuningan dari lubang punggung, hidung, kemaluan, telinga dan bulu-bulu roma.

(Shahnon Ahmad, 1966: 260)

Petikan tersebut menggambarkan mengenai anak sulung kepada Jeha iaitu Sanah yang berserahkan dirinya terhadap Allah SWT setelah pelbagai dugaan yang terpaksa dihadapi oleh Sanah serta adik-adiknya. Dugaannya bermula ketika Lahuma iaitu bapanya terpijak duri nibung ketika sedang mengerjakan sawahnya. Akibat daripada insiden tersebut, Lahuma meninggal dunia setelah menderita kesakitan daripada bisa duri tersebut. Setelah itu, pelbagai lagi dugaan yang dihadapi oleh mereka sekeluarga sehingga Jeha mengalami gangguan mental. Namun, segala kesusahan, keperitan dan kesengsaraan hidup yang menimpa diri dan keluarganya dihadapi oleh Sanah dengan penuh kesabaran kerana beliau yang memegang kepada konsep berserah diri kepada Allah SWT (tawakal).

Petikan lain mengenai tawakal yang telah dimasukkan oleh pengarang ke dalam novel tersebut adalah seperti berikut:

Dan ketujuh-tujuh anak betina itu pun Lahuma dan Jeha cukup percaya bahawa mereka akan mempunyai pegangan yang sama. Mati hidup dan susah senang dipegang oleh Tuhan. Dipegang oleh Allah Azzawajalla.

(Shahnon Ahmad, 1966: 2)

Petikan di atas mengisahkan mengenai Lahuma yang mempercayai bahawa kehidupannya ditentukan oleh Allah SWT dan anak-anaknya juga merupakan kurniaan dan pemberian oleh Tuhan terhadap dirinya. Beliau juga percaya bahawa pegangannya itu akan dirasai dan menjadi contoh kepada anak-anaknya kelak apabila meningkat dewasa. Oleh itu, Lahuma hanya berusaha dalam meneruskan kehidupan untuk menyara keluarganya dan seterusnya berserah dirinya kepada Pencipta dan beliau akan memastikan bahawa keluarganya mempunyai prinsip dalam kehidupan mereka iaitu mati dan hidup ditentukan oleh Allah Azzawajalla.

### 4.3 Kepentingan Konsep Ketuhanan dalam Karya Kesusasteraan Melayu

Kesusasteraan di Alam Melayu mengalami pengaruh dari Timur selepas kedatangan mereka untuk menyebarkan agama Islam. Hal ini mengakibatkan berlakunya perubahan yang ketara dalam pelbagai aspek masyarakat Melayu termasuk dalam dunia kesusasteraan. Sastera di Alam Melayu telah diterapkan dengan unsur-unsur keagamaan dalam usaha untuk menyebarkan agama Islam Atau dikenali sebagai dakwah (Zahir Ahmad, 2005). Pada masa ini, karya kesusasteraan Melayu masih mengandungi unsur-unsur ketuhanan untuk disebarkan kepada masyarakat. Unsur-unsur tersebut yang diselitkan oleh pengarang ke dalam karyanya dilihat mempunyai kepentingannya yang tersendiri untuk diterapkan di jiwa masyarakat khususnya beragama Islam. Kajian ini akan mengetengahkan mengenai beberapa kepentingan ideologi ketuhanan yang terkandung dalam karya kesusasteraan Melayu.



### 4.3.1 Membentuk Keperibadian Masyarakat

Karya sastera yang dihasilkan oleh para pengarang di negara ini sesetengahnya mengandungi unsur-unsur keagamaan untuk dipersembahkan kepada khalayak. Unsur-unsur ini mempunyai nilai-nilai moral yang mampu untuk membentuk keperibadian individu ke arah akhlak yang lebih bermutu terutamanya dari aspek keagamaan (Zahir Ahmad, 2005). Melalui konteks ini, pengarang yang mempunyai latar belakang pendidikan agama sudah semestinya memasukkan ilmu agama tersebut ke dalam karyanya. Hal ini supaya pembaca dapat memahami serta menelaah unsur dan ideologi ketuhanan yang ingin disampaikan oleh pengarang melalui karyanya.

Berdasarkan kepada karya yang dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad ini, novel *Ranjau Sepanjang Jalan* mengandungi beberapa ideologi ketuhanan yang dapat dijadikan contoh kepada masyarakat terutamanya yang beragama Islam dalam membentuk keperibadian yang mulia. Hal ini turut dinyatakan oleh Siti Fatimah (2019) yang menyatakan bahawa karya sastera yang mengandungi unsur keagamaan dapat membantu masyarakat dalam melahirkan akhlak mulia dengan berlandaskan kepada ajaran agama. Novel yang dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad ini mempunyai unsur agama iaitu berjuang dalam meneruskan kehidupan. Agama Islam menuntut umatnya dalam berjihad ke jalan Allah SWT. Jihad yang dinyatakan ini adalah berjuang atas dasar agama yang menyuruh umat untuk mempertahankan Islam, nyawa, harta dan sebagainya.

Hal ini dapat dibuktikan melalui watak Lahuma dan Jeha yang terpaksa menempuh pelbagai rintangan untuk menyara anak-anaknya seramai tujuh orang. Tekad serta keberanian mereka dapat dijadikan sebagai pengajaran kepada khalayak bahawa setiap insan seharusnya mempunyai pegangan agama yang jitu serta menanamkan semangat jihad ini ke dalam jiwa mereka dalam berjuang untuk meneruskan kehidupan ini.

Melalui ini, keperibadian seseorang itu dapat dibentuk dengan mengambil unsur-unsur keagamaan yang terkandung dalam sastera Melayu khususnya untuk diadaptasikan dalam kehidupan seharian. Sastera bukan sahaja dijadikan sebagai hiburan semata-mata malah digunakan sebagai medium dalam menunjukkan contoh teladan yang baik dengan berdasarkan kepada keagamaan untuk diaplikasikan dalam diri masyarakat. Hal ini agar masalah-masalah sosial dalam kalangan masyarakat dapat dikurangkan dalam negara ini.

### 4.3.2 Sastera Sebagai Medium Dakwah

Rosni Samah (2019) menyatakan bahawa sastera dapat dikategorikan kepada dua iaitu sastera untuk seni dan sastera untuk masyarakat. Melalui konteks ini, karya yang dihasilkan oleh Shahnnon Ahmad tersebut dapat dinyatakan sebagai sastera untuk masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana unsur-unsur keagamaan yang terkandung dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* ini dapat dijadikan dakwah kepada masyarakat yang beragama Islam.

Dakwah membawa maksud kepada mengajak seseorang untuk melakukan amal kebaikan dan meninggalkan segala perkara yang dimurkai oleh Allah SWT agar mendapat rahmatNya di dunia mahupun di akhirat kelak (Maryam Afifah Sabri, 2022). Perkataan dakwah itu sendiri diambil dari perkataan Arab yang dapat dimaksudkan sebagai mengundang, menyuruh, mendorong dan mengajak. Melalui dunia kesusasteraan, sesetengah pengarang termasuk Shahnnon Ahmad menjadikan karya mereka sebagai langkah untuk menyebarkan dakwah seperti yang telah dituntut oleh agama Islam.

Novel *Ranjau Sepanjang Jalan* ini mengandungi beberapa unsur-unsur ketuhanan yang dijadikan untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat beragama Islam. Salah satu daripadanya adalah unsur berpegang teguh terhadap agama yang disisipkan oleh pengarang ke dalam karyanya ini. Unsur tersebut dapat dilihat menerusi watak Lahuma dan Jeha yang mengerjakan solat fardhu meskipun sibuk dengan urusan peribadi seperti yang dinyatakan dalam rukun Islam yang pertama itu. Selain itu juga, watak Sanah yang dilihat mempunyai kuat pegangan agamanya apabila beliau ditimpa pelbagai musibah pada tahun itu namun masih mempercayai

takdir yang ditetapkan oleh Allah SWT dan memohon doa kepadaNya supaya lebih kuat untuk menghadapi rintangan tersebut pada masa akan datang.

#### **4.3.3 Meningkatkan Nilai Ketakwaan**

Takwa bermaksud seseorang yang sentiasa bergantung hidupnya kepada Tuhan dan menjaga tingkah lakunya sebagai seorang muslim dengan memelihara hubungan dengan Allah SWT (Ajeng Kartini, 2012). Sastera merupakan salah satu kaedah untuk meningkatkan nilai ketakwaan dalam diri individu yang didorong oleh pengarang yang mempunyai latar belakang dalam bidang keagamaan. Melalui kaedah tersebut, unsur-unsur keagamaan yang diketengahkan oleh pengarang tersebut tidak dapat disangkal lagi untuk dijadikan sebagai pedoman.

Berdasarkan kepada novel kajian ini, Shahnun Ahmad mengetengahkan beberapa ideologi ketuhanan yang mampu untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan dalam diri pembaca terhadap Tuhan Yang Maha Esa. Salah satu daripadanya adalah nilai kepercayaan kepada qada dan qadar seperti yang terdapat pada watak Lahuma dan keluarganya. Mereka tidak menyalahkan Allah terhadap nasib yang menimpa diri mereka malah pegangan mereka terhadap agama semakin kuat. Hal ini dilihat terdapat pada watak Sanah iaitu beliau tetap sabar dan menerima ketentuan Ilahi walaupun terpaksa menghadapi kematian bapanya serta ibunya yang hilang kewarasan. Unsur-unsur keagamaan seperti yang telah dinyatakan dapat dijadikan sebagai pengajaran kepada masyarakat dalam meningkatkan nilai ketakwaan dan keimanan kepada Allah SWT.

#### 4.4 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab empat ini menyentuh ketiga-tiga objektif kajian yang dijalankan ini. Objektif pertama kajian iaitu mengenal pasti ideologi ketuhanan yang terkandung dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* dapat dicapai. Hal ini berikutan terdapatnya ideologi tersebut iaitu berpegang teguh terhadap agama, berserah diri kepada Tuhan, berjuang dalam meneruskan kehidupan dan kepercayaan kepada qada dan qadar.

Objektif kedua kajian ini juga dilihat mampu diperolehi iaitu mengaplikasikan teori Takmilah berdasarkan ideologi ketuhanan yang terdapat dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan*. Berdasarkan objektif tersebut, pengkaji memilih tiga daripada tujuh prinsip yang terkandung dalam teori Takmilah iaitu khalayak ke arah insan *Kamil* (sempurna), keislaman yang bersifat *Akmal* (sempurna) dan pengkarya yang seharusnya mengistimalkan diri (menyempurnakan). Prinsip-prinsip yang dinyatakan ini boleh dikaitkan dengan ideologi ketuhanan yang dianalisis oleh pengarang dan mempunyai hubungannya dengan ideologi tersebut.

Seterusnya, bab ini juga mengupas mengenai objektif ketiga kajian ini iaitu menganalisis kepentingan konsep ketuhanan yang terkandung dalam karya kesusasteraan Melayu. Melalui objektif tersebut, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa kepentingan konsep tersebut melalui karya sastera iaitu membentuk keperibadian masyarakat, sastera sebagai medium dakwah dan meningkatkan nilai ketakwaan. Kepentingan yang dinyatakan oleh pengarang ini mampu untuk melahirkan generasi yang mempunyai pegangan akidah mantap melalui karya sastera yang dihasilkan oleh pengarang yang mempunyai latar belakang dalam bidang keagamaan yang luas.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.0 Pengenalan

Bab seterusnya merupakan bab yang terakhir dilakukan oleh pengkaji untuk melengkapkan kajian ini. Pengkaji melakukan kesimpulan daripada keseluruhan dapatan dan analisis kajian yang dijalankan ini. Melalui bab ini, pengkaji mengutarakan implikasi serta cadangan yang boleh dilakukan oleh pengkaji-pengkaji akan datang dalam usaha untuk melengkapkan kajian mereka.

#### 5.1 Rumusan Kajian

Kajian ini memberi tumpuan terhadap ideologi ketuhanan dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* karya Shahnnon Ahmad bersandarkan kepada teori Takmilah. Secara ringkasnya, segelintir karya sastera digunakan oleh pengarang untuk menyebarkan unsur atau ideologi yang melibatkan keagamaan kepada masyarakat umum. Teks yang dihasilkan oleh pengarang ini telah terbukti bahawa terkandungnya ideologi ketuhanan untuk dipersembahkan kepada para pembaca. Kaedah ini dilihat amat penting dalam usaha untuk memberikan kesedaran serta menyampaikan pesanan dalam aspek keagamaan kepada masyarakat yang bukan semata-mata sekadar hiburan sahaja. Kajian ini dilakukan oleh pengkaji untuk mengetengahkan unsur-unsur agama yang cuba disampaikan oleh pengarang melalui karyanya ini. Kajian yang dijalankan ini juga bertujuan untuk memenuhi kelompongan atau kekurangan dari kajian lepas dalam aspek keagamaan yang disampaikan oleh pengarang dalam sastera.

Teori Takmilah yang digunakan oleh pengkaji untuk menyokong dapatan kajian ini dilihat saling berkait rapat dengan kehidupan masyarakat kini. Takmilah yang digagaskan oleh Shafie Abu Bakar menunjukkan agama Islam dan karya sastra boleh seiring dan bersatu untuk menghasilkan serta melahirkan individu yang mempunyai akhlak sempurna dengan berlandaskan kepada Al-Quran dan Sunnah. Hal ini jelas membuktikan bahawa ideologi ketuhanan dalam teks sastra ini iaitu berpegang teguh terhadap agama, berserah diri kepada Tuhan, berjuang dalam meneruskan kehidupan dan kepercayaan kepada qada dan qadar dapat membantu dari segi pegangan akidah seseorang yang bergelar muslim. Oleh itu, berdasarkan kepada ideologi yang terkandung dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* telah menepati terhadap objektif pertama ini.

Seterusnya, prinsip-prinsip dalam teori Takmilah yang diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar seperti khalayak ke arah insan *kamil* (sempurna), keislaman yang bersifat *akmal* (sempurna) dan pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri (menyempurnakan) mampu untuk menghasilkan sebuah karya bermutu dengan berlandaskan kepada ajaran agama Islam untuk diperkenalkan kepada masyarakat. Melalui prinsip-prinsip tersebut, objektif kajian kedua ini dapat dicapai dengan pemilihan tiga daripada tujuh prinsip yang terdapat pada teori Takmilah.

MALAYSIA  
KELANTAN



Melalui kajian ini juga, pengkaji telah mendapati bahawa terdapat beberapa kepentingan konsep ketuhanan yang terkandung dalam karya kesusasteraan Melayu seperti membentuk keperibadian masyarakat, sastera sebagai medium dakwah dan meningkatkan nilai ketakwaan. Kepentingan yang dinyatakan ini diharapkan mampu untuk memberikan manfaat serta faedah kepada seluruh masyarakat di negara ini terutamanya masyarakat beragama Islam.

## 5.2 Implikasi Kajian

Realiti kehidupan yang ditonjolkan oleh Shahnnon Ahmad menerusi karyanya *Ranjau Sepanjang Jalan* dilihat juga mempunyai ideologi ketuhanan yang diterapkan. Ideologi tersebut dapat dijadikan pengajaran kepada khalayak untuk meningkatkan keimanan dalam diri. Plot penceritaan dalam novel tersebut dapat memberikan nilai yang positif dalam aspek keagamaan kepada pembaca dan seterusnya dapat melahirkan sebuah masyarakat yang lebih tinggi nilai keagamaan dan menggunakannya dalam kehidupan seharian sebagai seorang insan yang beragama Islam.

Walaupun novel tersebut memaparkan mengenai realiti kehidupan masyarakat yang hanya mengharapkan sawah padi sebagai sumber makanannya, namun terdapat juga ideologi ketuhanan dan unsur-unsur agama yang dibawa oleh pengarang untuk dipersembahkan kepada khalayak. Hal ini menunjukkan bahawa pengarang novel tersebut iaitu Shahnnon Ahmad bukan sahaja memaparkan realiti kehidupan malah juga menyebarkan ideologi keagamaan melalui karyanya. Hal ini adalah kerana tuntutan agama yang menyeru umatnya untuk sentiasa melakukan dakwah dan menyebarkan ajaran agama Islam terhadap seluruh masyarakat (M. Baharudin, 2014).

### **5.3 Cadangan**

Pada bahagian ini, pengkaji akan menyetengahkan mengenai beberapa cadangan yang boleh dilakukan oleh pengkaji yang seterusnya yang ingin melakukan kajian yang berkaitan dengan kajian pengkaji ini. Ketika menghasilkan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa cadangan boleh dilakukan terhadap pelbagai pihak seperti pengkaji lain, pengarang, masyarakat dan kerajaan. Cadangan yang dikemukakan ini diharapkan agar mampu untuk memberikan kebaikan kepada semua pihak dalam aspek kesusasteraan pada masa ini dalam usaha untuk menghasilkan karya-karya bermutu yang mengandungi unsur-unsur keagamaan.

#### **5.3.1 Pengkaji Lain**

Cadangan yang boleh dilakukan oleh pengkaji lain adalah dengan menghasilkan lebih banyak kajian mengenai ideologi ketuhanan dengan berdasarkan kepada karya-karya tempatan. Melalui kaedah ini, kajian mengenai unsur ketuhanan dapat dihasilkan dengan lebih banyak dengan berdasarkan kepada karya yang dihasilkan oleh pengarang tempatan. Hal ini berikutan kerana pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai unsur keagamaan terhadap karya tempatan kurang mendapat sambutan berbanding dengan negara jiran kita iaitu Indonesia. Hal ini juga menyebabkan karya-karya tempatan yang terhasil kurangnya ideologi ketuhanan yang diterapkan melalui karya tersebut. Oleh itu, pengkaji berharap agar terdapat pengkaji lain pada masa hadapan menghasilkan kajian yang mengandungi unsur-unsur ketuhanan dengan berdasarkan kepada karya kesusasteraan tempatan

### 5.3.2 Pengarang

Cadangan seterusnya adalah boleh diambil oleh pengarang tempatan iaitu dengan menghasilkan karya-karya bermutu yang mengandungi ideologi ketuhanan. Karya yang dihasilkan tidak semestinya berdasarkan kepada Islamik semata-mata. Pengarang boleh mencampurkan sesebuah genre itu dengan memasukkan elemen-elemen ketuhanan untuk menarik minat pembaca khususnya golongan muda. Hal ini dapat dilihat menerusi karya Shahnnon Ahmad iaitu *Ranjau Sepanjang Jalan* yang mengetengahkan mengenai realiti kehidupan masyarakat terdahulu yang hanya bergantung hidup mereka terhadap hasil tanaman padi. Namun pengarang juga menerapkan beberapa unsur yang dilihat mempunyai ideologi ketuhanan dalam karyanya.

Selain itu juga, karya-karya yang mengandungi ideologi ketuhanan ini juga boleh dihasilkan dalam bentuk sebuah karya filem adaptasi. Sebagai contoh, karya *Ranjau Sepanjang Jalan* telah diadaptasikan dalam bentuk filem pada tahun 1983. Hal ini dilakukan bertujuan untuk menarik lebih ramai penonton dalam pelbagai lapisan masyarakat. Filem adaptasi ini juga dilakukan bertujuan untuk menghasilkan sesebuah karya kesusasteraan itu lebih menarik melalui dilakonkan oleh para pelakon, kesan visual, audio dan sebagainya. Oleh itu, pengkaji berharap agar pengarang tempatan berjaya menghasilkan karya yang bermutu serta menyelitkan unsur keagamaan dalam karya mereka untuk dipersembahkan kepada khalayak dalam usaha untuk menyampaikan dakwah seperti yang dituntut dalam agama itu sendiri.

### **5.3.3 Masyarakat**

Selain itu, pengkaji ingin memberikan cadangan kepada masyarakat untuk lebih memilih karya yang mengandungi unsur-unsur keagamaan. Hal ini supaya dapat merencanakan lagi penghasilan karya yang berlandaskan kepada unsur tersebut dalam dunia kesusasteraan. Melalui kaedah ini secara tidak langsung masyarakat dapat meningkatkan nilai keimanan dan ketakwaan mereka kepada Allah SWT menerusi karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang tempatan. Melalui kaedah ini juga, masyarakat boleh menerapkan nilai-nilai keagamaan yang terdapat dalam karya kesusasteraan untuk dijadikan sebagai peringatan dan pengajaran. Terdapat beberapa karya di mana pengarang itu sendiri memasukkan beberapa unsur keagamaan untuk dipersembahkan kepada khalayak. Unsur tersebut haruslah dihayati serta diberikan perhatian oleh pembaca mengenai mesej dakwah yang hendak disampaikan oleh pengarang.

### **5.3.4 Kerajaan**

Cadangan terakhir ini adalah boleh dilakukan oleh pihak kerajaan iaitu dengan menerbitkan lebih banyak karya yang mengandungi ideologi ketuhanan untuk dipersembahkan kepada khalayak. Kerajaan terutamanya pada bahagian penerbitan haruslah mengenal pasti terlebih dahulu mengenai karya yang dihasilkan oleh pengarang yang mengandungi ideologi ketuhanan sebelum diterbitkan. Hal ini bertujuan supaya khalayak dapat memperoleh mesej, pesanan, ideologi serta dakwah yang hendak disampaikan oleh pengarang menerusi karyanya kepada mereka.

#### 5.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, projek penyelidikan ini yang bertajuk *Ideologi Ketuhanan Dalam Novel Ranjau Sepanjang Jalan Karya Shahnnon Ahmad: Analisis Bersandarkan Teori Takmilah* adalah bertujuan untuk menghasilkan sebuah penulisan yang mengetengahkan mengenai unsur-unsur keagamaan yang diterapkan oleh pengarang melalui watak perwatakan serta plot dan susunan jalan cerita ini. Walaupun khalayak beranggapan bahawa novel *Ranjau Sepanjang Jalan* ini mengetengahkan mengenai realiti kehidupan masyarakat terdahulu ketika pengarang iaitu Shahnnon Ahmad masih kecil, namun beliau tetap memasukkan beberapa elemen ketuhanan dalam karya tersebut yang ingin disampaikan kepada para pembaca. Hal ini dikatakan kerana pengkaji telah meneliti dan mengemukakan beberapa ideologi ketuhanan yang terdapat dalam novel tersebut yang dapat dijadikan sebagai dakwah kepada khalayak.

Oleh itu, pengkaji berharap agar hasil daripada penulisan projek penyelidikan ini dapat dijadikan sebagai bahan rujukan kepada pengkaji akan datang terutamanya para pelajar yang ingin melakukan penyelidikan mengenai unsur keagamaan. Selain itu, diharapkan agar kajian ini juga dapat memberikan manfaat kepada masyarakat dalam meningkatkan nilai keimanan mereka terhadap Allah SWT menerusi novel kajian ini dan mampu untuk menerapkan ideologi ketuhanan dalam kehidupan seharian mereka.

## Bibliografi

- Adli Yaacob (2019). Konsep sastera Islam oleh Kassim Ahmad. *Jurnal Antarabangsa Kemanusiaan, Falsafah dan Bahasa*, 1(4), 117-128.
- Adli Yaacob (2017). Konsep sastera Islam oleh Shahnnon Ahmad. *Jurnal Antarabangsa Kemanusiaan, Falsafah dan Bahasa*, 2(4), 66-93.
- Aizan binti Ali & Murni binti Buchik (2017). Isu dan cabaran pendidikan remaja Muslim di Malaysia. *Jurnal al-Tamaddun*, 12(2), 41-49.
- Ajeng Kartini (2012). Taqwa penyelamat ummat. *Al-Ulum*, 52(2), 26-35.
- Arba'ie Sujud, Salihahs Razak & Siti Rabiatul Adawiah Jaffar (2015). Pemikiran politik: pemimpin dan kepemimpinan dalam novel Shahnnon Ahmad. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu*, 3(1), 67-78.
- Asep Supriadi (2011). Takmilah: menuju teori sastra Islami. *ATAVISME*, 14(2), 242-253.
- Emile Durkheim (1995). *The Elementary Forms of Religious Life*. The Free Press.
- Fadilah Zaini (2017). Ketuhanan dan manusia dalam pembentukan peradaban manusia menurut perspektif Islam. *Jurnal Kemanusiaan*, 2(1), 95-105.
- Hafiz Firdaus Abdullah (2011), *47 Persoalan Qadar dan Qadha*. Perniagaan Jahabersa.
- Hairul Anwar (2015). Konsep Tuhan di dalam Al-Quran. *Al-Burhan*, 15(1), 29-50.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (1996). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairunnas Rajab & Fikri Mahmud (2010). Keganasan: tela'ah terhadap konsep jihad fi sabilillah. *Shariah Journal*, 18(3), 603-628.
- Kathirasan A/L Doraisamy (2004). *Pemikiran Shahnnon Ahmad dan Naguib Mahfouz dalam novel-novel terpilih: satu perbandingan* (Tesis Ijazah Doktor Falsafah), Universiti Malaya.
- Luqman Zainal Abidin, Khadijah Kamaruddin, Syahiza Arsad (2020). Sekularisme, Faktor dan Kesan. *Jurnal Antarabangsa Muamalat*, 4(1), 162-173.
- Maryam Afifah Sabri & Khazri Osman (2022). Muslim dan dakwah. *Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah 2022* (1-13).
- Maulida (2020). Teknik pengumpulan data dalam metodologi penelitian. *Jurnal Online Iai Darussalam*, 21(2), 49-60.

- M. Baharudin (2014). Konsep ketuhanan sepanjang sejarah manusia. *Al-Adyan*, 9(1), 35-58.
- Md Hasri Bin Rajali (2012). *Keunikan dan keistimewaan kesusasteraan*. Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Rafiuddin Mohd Azmi, Sasikumar Kamalanathan & Jimaain Safar (2019). *Media sosial dan generasi muda menurut Islam*. Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19), Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Fakhrudin Abdul Mukti (1999). Isu ketuhanan dalam bicara falsafah. *Jurnal Usuluddin*, 9(2), 39-56.
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff (2019). Penyerlahan kekerdilan insan dalam cerpen 'Hari Yang Bergelar Kematian': menelusuri perspektif Takmilah. *Jurnal Intelek*, 14(2), 137-143.
- Mohd Hasrul Shuhari & Mohd Fauzi (2014). Al-Maqsad al-Asna sebagai sebuah karya akidah al-Ghazali. *Afkar*, 15(2), 1-44.
- Mohd Sheffie Abu Bakar (1991). *Metodologi penyelidikan: untuk ekonomi dan bidang-bidang berkaitan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Abdullah Darraz (1990). *Al Din*. Daru al Qalam.
- Muhammad Syafiq Fakhri, Abd Samat (2019). *Citra masyarakat Melayu Islam menerusi kumpulan gurindam warisan ibunda: satu pengaplikasian teori Takmilah*. (Tesis Ijazah Sarjana Muda), Universiti Malaysia Kelantan (UMK).
- Muhd Norizam Jamian & Shaiful Bahri Md Radzi (2015). Kesusasteraan Melayu tradisional sebagai wadah komunikasi massa: suatu analisis. *Jurnal Komunikasi*, 31(2), 183-194.
- Mustafa Abdullah (2010). Evolusi jihad dalam al-Quran: satu tinjauan sejarah. *Jurnal Usuluddin*, 10(1), 103-113.
- Ning Ratna Sinta Dewi (2021). Konsep ketuhanan dalam kajian filsafat. *Abrahamic Religions: Jurnal Studi Agama-Agama (ARJ)*, 1(2), 146-158.
- Nor Hasimah Ismail & Melor Fauzita Md Yusoff (2016). Karya indie: revolusi penulis generasi baru. *Seminar Antarabangsa Menjana Ilmu Melalui Penyelidikan: Vol. 1. Prosiding ICECRS (565-570)*. Universiti Utara Malaysia.
- Nur Nafishah Azmi, Rohani Hashim & Rahimah A. Hamid (2012). Kesetiaan kepada teks: dari novel ke filem Ranjau Sepanjang Jalan. *Persidangan Shahnnon Ahmad dalam Sastera, Budaya dan Media: Vol. 4, Pusat Pengajian Ilmu*

- Kemanusiaan USM & Dewan Bahasa dan Pustaka* (1-18). Universiti Sains Malaysia.
- Rosnani Ripin (2020). *Takmilah novel seteguh Fikrah Saleha, karya Aminah Mokhtar*. Penerbit Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra.
- Rosni Samah, Noor Azizi Ismail & Nurhasma Muhamad Saad (2019). Sumbangan Sayyid Qutb dalam perkembangan sastera Islam moden. *Jurnal Usuluddin*, 10(2), 68-83.
- Sara Beden & Alice Rayon (2021). Ranjau Sepanjang Jalan dari kaca mata sosiologi. *Prosiding Kolokium Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu: Vol. 1, Jabatan Pengajian Melayu* (94-109). Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.
- Shamsul Kamarudin (2011). Kepentingan pendekatan kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan melalui PTV. *Journal of Edupres*, 1(2), 249-257.
- Siti Fatimah (2019, Julai 2). Pengarang perlu jadi pendakwah sebenar, seru kebenaran. *Berita Harian Online*.  
<https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2019/07/580294/pengarang-perlu-u-jadi-pendakwah-sebenar-seru-kebenaran>
- Siti Nur Anis Muhammad Apandi, Rohayati Junaidi, Zainoren Zul, Eizah Mat Hussin, Farrah Atikah Saari, Nordiana Ab. Jabar, Sudirman Kiffli, Suraya Sukri, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nurulahda Sulaiman (2022). Pemaparan jenis akhlak menerusi kumpulan puisi As-Salam karya Suhaimi Haji Muhammad berdasarkan teori Takmilah. *PENDETA*, 13(1), 47-57.
- Suriani Sudi, Fariza Md Sham & Phayilah Yama (2019). Tawakal sebagai elemen kecerdasan spiritual menurut perspektif hadis. *Jurnal Pengajian Islam*, 12(2), 157-167.
- Syed Shahrman Bin Syed Ali (2012). *Pemikiran Al-Juwayni tentang ketuhanan: terjemahan dan analisis bahagian Al-Ilahiyyat, kitab Luma' Al-Adillah*. (Tesis Ijazah Sarjana Usuluddin), Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Utami, Esa Resti (2022). *Penyuntingan naskah novel Pancarona Mentari*. (Tesis Ijazah Sarjana Muda), Politeknik Negeri Media Kreatif.
- Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Razali & Mastura Haji Abd Wahab (2020). Konsep tuhan dan agama dalam metafizik Stephen Hawking (1942-2018) menerusi *Brief Answer To The Big Question: suatu analisis dari perspektif Islam. E-Proceedings of the International Conference on Aqidah, Religions and Social Sciences (SIGMA 10)*. 195-207.
- Zahir Ahmad (2005). Peranan sastera Islam dalam peambentukan akhlak penduduk Alam Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15(3), 254-265.



Zaidi Ahmad, Azhar Abdul Wahid & Abdul Halim Ali (2020). Kerasulan insan Kamil membentuk modal insan dalam novel Imam. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8(2), 16-27.

Zul'Azmi Yaakob (2012). Falsafah alam dalam konteks falsafah ketuhanan menurut Hamka. *Jurnal Pemikiran Islam Antarabangsa*, 1(3), 74-86.

